

PENYATA DEWAN

PERSIDANGAN KEDUA PENGGAL KETIGA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN YANG KE-13 PADA 10 OGOS 2015

HADIR:

BIL.	NAMA	ADUN
1.	YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN: Y.B. Dato' Dr. Haji Awaludin bin Said, D.S.N.S., A.N.S., P.M.C.	Kota
2.	MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN: Y.A.B. Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, S.P.N.S., D.S.N.S., P.S.D., D.S.S.A., A.N.S.	Rantau
3.	Y.B. Dato' Haji Hasim bin Rusdi, D.P.N.S., D.M.S.M., P.P.T., J.P., A.N.S., A.M.N., P.M.C., P.J.K.	Labu
4.	Y.B. Dato' Manickam a/l Letchuman, D.P.N.S., P.M.C., P.J.K.	Jeram Padang
5.	Y.B. Dato' Haji Ismail bin Lasim, D.S.N.S., A.N.S., P.M.C.	Senaling
6.	Y.B. Dato' Norhayati binti Omar, D.S.N.S., P.M.C., P.J.K.	Pilah
7.	Y.B. Dato' Haji Shamshulkahar bin Haji Mohd. Deli, D.P.N.S., P.M.C., P.J.K.	Serting
8.	Y.B. Dato' Zaifulbahri bin Idris, D.P.N.S., D.N.S., P.J.K.	Chembong
9.	Y.B. Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias, D.P.N.S., P.G.D.K., D.N.S., J.P.	Pertang
10.	Y.B. Dato' Haji Tun Hairudin bin Abu Bakar, D.P.N.S., J.P., P.M.C., P.J.K.	Bagan Pinang
11.	Y.B. Tuan Abd. Razak bin Ab. Said, P.M.C., P.J.K.	Gemas
12.	Y.B. Dato' Haji Abu Ubaidah bin Dato' Haji Redza, D.P.N.S., J.P.	Ampangan
13.	Y.B. Dato' Haji Lilah bin Haji Yasin, D.S.N.S.	Palong
14.	Y.B. Dato' Haji Mohammad Razi bin Haji Kail, D.S.N.S.	Juasseh
15.	Y.B. Dato' Abd. Samad bin Haji Ibrahim, D.P.N.S., D.N.S., J.P., P.M.C., P.J.K.	Seri Menanti
16.	Y.B. Dato' Haji Yunus bin Rahmat, D.S.N.S., D.M.S.M., K.M.N., J.P., P.J.K.	Klawang
17.	Y.B. Dato' Haji Ishak bin Ismail, D.S.N.S., J.P., K.M.N., A.M.N.	Lenggeng
18.	Y.B. Tuan Mohd. Razi bin Mohd. Ali, D.N.S., P.M.C.	Sungai Lui
19.	Y.B. Tuan Haji Abu Samah bin Mahat, D.N.S., A.N.S., P.M.C.	Johol

BIL.	NAMA	ADUN
20.	Y.B. Tuan Mohd. Ghazali bin Abd. Wahid, D.N.S., A.N.S., P.M.C.	Paroi
21.	Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Mohd. Redza	Linggi
22.	Y.B. Tuan Mohd. Isam bin Mohd. Isa, D.N.S., A.N.S., P.J.K.	Gemencheh
23.	Y.B. Tuan Loke Siew Fook	Chennah
24.	Y.B. Tuan Haji Aminuddin bin Haji Harun	Sikamat
25.	Y.B. Tuan Cha Kee Chin	Bukit Kepayang
26.	Y.B. Tuan Gunasekaren a/l Palasamy	Senawang
27.	Y.B. Tuan Chai Tong Chai	Chuah
28.	Y.B. Tuan Ean Yong Tin Sin	Lukut
29.	Y.B. Tuan Yap Yew Weng	Mambau
30.	Y.B. Tuan Ng Chin Tsai	Temiang
31.	Y.B. Tuan Ravi a/l Munusamy	Port Dickson
32.	Y.B. Tuan Veerapan a/l Superamaniam	Repah
33.	Y.B. Puan Mary Josephine Prittam Singh	Rahang
34.	Y.B. Tuan Chew Seh Yong	Bahau
35.	Y.B. Tuan Siow Kim Leong	Lobak
36.	Y.B. Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan	Nilai

**HADIR MENGIKUT FASAL 37(3) UNDANG-UNDANG
TUBUH KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

1. Y.B. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
(Dato' Haji Mat Ali bin Hassan, D.P.N.S., D.P.T.J., J.M.N., P.A.T., A.M.T.)
2. Y.B. PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI, NEGERI SEMBILAN
(Y.B. Dato' Iskandar Ali bin Dewa, D.P.N.S., A.M.P.)
3. Y.B. PEGAWAI KEWANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
(Dato' Haji Tahar bin Haji Sudin, D.P.N.S.)

TURUT HADIR

1. SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
(Encik Mohd. Amin bin Ludin, A.N.S.)
2. PENOLONG SETIAUSAHA
(Encik Ahmansah bin Ahmad)

Setiausaha Dewan: Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan.

[Persidangan dimulakan pada jam 10.00 pagi]

1. MEMBACA DOA

Setiausaha Dewan: Persidangan Kedua Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Yang Ke-13. Susunan Mesyuarat. Perkara pertama, Membaca Doa. Dipersilakan Yang Berhormat ADUN Juasseh.

[Y.B. ADUN Juasseh telah membacakan doa di bawah Peraturan 9, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri]

2. PERUTUSAN YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA DEWAN

Setiausaha Dewan: Perkara kedua, Perutusan Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera. Segala puji bagi Allah tuhan seru sekalian alam, selawat dan salam buat junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan; Menteri Besar Negeri Sembilan, Yang Berhormat ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, kita bertemu kembali dalam Persidangan Kedua Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-13 pada hari ini. Saya mendoakan agar Yang Amat Berhormat serta semua ahli Yang Berhormat beroleh kesihatan yang baik.

Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti mana biasa sebelum saya meneruskan perjalanan persidangan dewan ini, sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan ahli-ahli Yang Berhormat supaya sentiasa mematuhi Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan sepanjang persidangan ini. Dan saya memohon kerjasama supaya perjalanan persidangan kita berjalan dengan lancar dan mur, harmoni. Insha Allah.

Saya juga mengambil kesempatan di bulan Syawal ini mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada ahli-ahli Yang Berhormat dan para hadirin sekalian. Selamat bersidang.

3. PERINGATAN MESYUARAT

Setiausaha Dewan: Perkara ketiga, Peringatan Mesyuarat. Mengesahkan Peringatan Mesyuarat Kali Pertama (Perasmian) Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-13 yang telah diadakan pada 20 hingga 22 April 2015.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Peringatan Mesyuarat Kali Pertama (Perasmian) Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-13 telah diadakan pada 20 hingga 22 April 2015 telah pun diedarkan sesalinannya. Oleh itu ada apa-apa teguran? Sekiranya tiada, diharap seorang ahli mencadangkan dan seorang ahli menyokong supaya disahkan.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Dipertua, saya mohon izin untuk mencadangkan peringatan yang dibentangkan tersebut disahkan.

Y.B. ADUN Labu: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju Peringatan Mesyuarat ini disahkan sila angkat tangan [semua 35 orang ahli Yang Berhormat bersetuju]. Yang tidak bersetuju, yang berkecuali? Peringatan Mesyuarat ini disahkan.

[Peringatan Mesyuarat Kali Pertama (Perasmian) Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-13 yang telah diadakan pada 20 hingga 22 April 2015 disahkan tanpa pindaan dan Y.B. Yang Dipertua Dewan menandatangani Peringatan Mesyuarat tersebut.]

4. **MEMBENTANGKAN KERTAS DEWAN**

Setiausaha Dewan: Perkara keempat, Membentangkan Kertas Dewan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dimaklumkan tiada Kertas Dewan untuk dibentangkan pada persidangan kali ini.

5. **MEMBENTANGKAN LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN**

Setiausaha Dewan: Perkara kelima, Membentangkan Laporan Dan Penyata Kewangan. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Rantau.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun untuk membentangkan Laporan dan Penyata Kewangan di hadapan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian iaitu Laporan dan Penyata Kewangan Ketua Audit Negara, untuk Perbadanan Awam Perpustakaan Negeri tahun berakhir 31 Disember 2014. Terima kasih.

6. **PERTANYAAN-PERTANYAAN**

6.1 Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Lisan

Setiausaha Dewan: Perkara keenam, Pertanyaan-Pertanyaan. Yang pertama, pertanyaan-pertanyaan yang berkehendakkan jawapan lisan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Dipersilakan Yang Berhormat ADUN Juasseh.

Y.B. ADUN Juasseh: Dato Yang Dipertua, saya bangun mengemukakan soalan pertama.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, masalah perumahan, harga rumah, dan jugak kekurangan rumah yang sesuai untuk didiami adalah merupakan satu fenomena yang baru dalam negara kita. Dan ia, jika kita tidak buat sesuatu, tidak ada dasar intervensi daripada kerajaan untuk kita melihat supaya dasar perumahan dan jugak industri perumahan ini dibuat dengan betul, dia akan menyebabkan masalah dalam negara.

Seperti mana yang selalu kerajaan ataupun saya sebutkan bahawa ada tiga perkara pokok yang penting kepada kerajaan iaitu pada saya Dato' Yang Dipertua, iaitu nombor satu, kita tidak mahu melihat ataupun mendengar ada rakyat yang masuk, pergi balik tidur dengan perut yang kosong. Maknanya kita tidak mahu ada masalah orang yang tidak mendapat pendapatan yang cukup untuk mereka membeli barang makanan. Jadi, bila dah perut mereka dah tak kosong, kenyang, kita nak lihat supaya ada atap yang meneduhi mereka. Ada tempat mereka untuk berteduh iaitu rumah, Dato' Dipertua. Dah kenyang perut, ada rumah. Nombor tiga penting ialah supaya rakyat kita mempunyai pelajaran.

Inilah dasar-dasar, tiga dasar utama yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Sembilan sejak sekian lama. Dan ia akan terus menjadi sebagai agenda utama Kerajaan Negeri untuk pastikan supaya dasar ini, yang mana tidak mahu melihat ada orang dalam keadaan daif, tidak cukup makan, kita buat Dasar Jaringan Keselamatan Sosial. Di mana kita akan terus pastikan mana-mana ahli masyarakat ataupun individu dalam negeri kita akan terus kita pertimbangkan untuk kita beri bantuan supaya mereka ini dapat melepasi ataupun dapat mereka menampung penghidupan seharian. Selepas itu, kita mahu lihat supaya mereka mempunyai tempat perlindungan, tempat-tempat untuk mereka berteduh yang boleh dipanggil sebagai rumah.

Itu sebabnya dari semasa ke semasa, Kerajaan Negeri bersama-sama dengan Kerajaan Pusat mendirikan banyak rumah-rumah untuk kita pastikan mereka-mereka yang tidak mempunyai rumah ataupun mereka yang menginginkan rumah, tetapi tidak mampu, yang dikategorikan di bawah orang yang miskin akan diberikan peluang untuk mendiami dan men, mempunyai, memiliki rumah.

Banyak projek-projek yang sedang dan telah pun dilakukan, Dato' Yang Dipertua, terutamanya sekarang kita baru-baru ini kita akan buat pengundian di kawasan Seliau, Ladang Seliau, Dato' Yang Dipertua, 150 buah rumah yang didirikan, kita pun telah kenal pasti hampir 100 orang penduduk asal di situ akan kita bagi keutamaan. Dan yang lebih 50 lagi akan kita buat pengundian selepas, selepas kita men, me,

menyenaraipendekkan mereka-mereka yang kita fikir memang layak untuk menerima perumahan.

Dalam masa yang sama, sedang dalam pembinaan, di kawasan Dato' Dipertua, di Tanah Merah Estet, yang mana 100 buah rumah dan telah dan sedang di, sedang di, di, dirikan. Ini jugak khusus untuk penduduk setempat yang telah pun lama dijanjikan atas asas mereka ini telah pun terpaksa keluar daripada estet kerana dasar ladang-ladang sekarang tidak lagi menanam getah, tetapi menanam kelapa sawit. Dan tenaga buruh mereka tidak lagi dikehendaki ataupun diguna pakai. Ini adalah mereka-mereka yang telah pun banyak berjasa kepada negara. Dan kita mahu lihat supaya semua penduduk dalam Negeri Sembilan, ataupun dalam negara kita mempunyai tempat untuk berteduh.

Jadi, Dato' Yang Dipertua, rumah sekarang ini merupakan sesuatu yang menjadi isu hangat dalam negara. Kita tidak boleh memejamkan mata, dan kita tidak boleh terus berdiam diri. Bila saya sebut "kita", kerajaan. Jadi, di Negeri Sembilan, Dato' Dipertua, kita tidak terkecuali dengan masalah yang dihadapi dalam negara kita. Di negeri kita, berhampiran dengan Kuala Lumpur. Bahang pembangunan Kuala Lumpur dirasai di sini jugak. Dan harga rumah pun di Negeri Sembilan ini telah pun mula melambung tinggi dan di luar kemampuan orang untuk memilikinya.

Jadi kita, pihak kerajaan Dato' Dipertua, tidak mahu berdiam diri dan tidak mahu terus berpeluk tubuh melihat masalah kegelisahan masyarakat dan akhirnya kita akan mempunyai masalah dalam masyarakat kita. Itulah sebabnya setelah berfikir panjang, setelah kita mengkaji dan setelah kita berunding, Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri Sembilan telah pun membuat satu langkah baru, langkah yang mana kita mahu buat satu langkah intervensi dalam industri perumahan, supaya industri perumahan ini tidak didokong sahaja oleh, oleh, oleh pemaju dengan hasrat untuk memaksimakan keuntungan, tetapi industri perumahan ini jugak mesti memainkan peranan untuk bersama-sama memastikan supaya rakyat jelata yang sebahagian besarnya tidak mampu untuk memiliki rumah-rumah yang berharga terlampau tinggi sekarang ini, jugak mendapat peluang untuk memiliki rumah.

Jadi atas asas ini, di atas kesedaran ini, Dato' Yang Dipertua, kita mahu melihat supaya suatu dasar baru dilakukan di Negeri Sembilan. Dengan kita mengambil kira bahawa Dasar Perumahan Negara yang telah diterimapakai, yang telah kita jadikan sebagai rujukan selama berpuluh-puluh tahun, tidak lagi sesuai. Kalau dulu Dasar Perumahan Negara, Dato' Dipertua, yang kita terima pakai sebagai panduan kepada industri perumahan di Negeri Sembilan ini, dia amat senang. Cuma,

industri perumahan mengatakan bahawa jika nak buat kawasan pemajuan perumahan, maka disyaratkan cuma 30 peratus rumah kos harga rendah, yang lain tak ada apa-apa. Tak sebut apa-apa. Kalau nak dapat lesen pemajuan itu lain, lain ceritalah ya. Tapi pada dasarnya, rumah yang perlu dibina ialah 30 peratus rumah harga rendah, dan disyaratkan 30 peratus kuota bumiputera.

Jadi, Dato' Yang Dipertua, dengan keadaan ekonomi yang sedang melonjak, dengan keadaan rejim harga tanah yang tinggi sekarang Dato' Yang Dipertua, dia membebankan banyak pihak. Semua pihak terbeban dengan dasar ini, Dato' Yang Dipertua. Nombor satu, pemaju amat terbeban, pemaju sendiri terbeban. Mana mungkin pemaju membina 30 peratus daripada jumlah unit yang nak dibina, dalam, rumah kos harga rendah yang tidak boleh dijual melebihi 45 ribu. Mereka memang rugi. Dan inilah sebabnya maka terpaksa dibuat rumah *flat* yang tinggi, dengan rumah cuma satu bilik, dan serba kekurangan, Dato' Dipertua. Jadi, kita tak mahu ini, perkara ini terus berlaku. Tetapi pihak pemaju pun tak boleh buat apa-apa kerana mereka akan terus rugi Dato' Yang Dipertua, kerana harga tanah sekarang dah mahal. Jadi, inilah yang kita tak mahu.

Kita bercakap tentang untuk menjadi Negara Maju pada tahun 2020. Negeri Maju tahun 2020. Tetapi kita masih lagi terperangkap dalam *silo* pemikiran iaitu rumah kos rendah. Di negara maju tak ada rumah kos rendah lagi, Dato' Dipertua. Di negara maju, *we*, kita tak dengar rumah kos harga rendah. Jadi, kita mesti jugak berubah. Dan kita tak mahu melihat rumah kos harga rendah ini lagi dibina, Dato' Dipertua, kerana belajar daripada pengalaman yang sedia ada, Dato' Dipertua, rumah kos harga rendah ini akan membebankan rakyat.

Mana mungkin keluarga duduk rumah dalam satu bilik. Macam di Lobak, macam di Ampangan, dan kawasan-kawasan lain. Rumah kos harga rendah, 17, 17 blok di Lobak. Rumah satu bilik. Mana orang boleh duduk di situ. Dan tidak dapat diurus dengan baik. Betul, dalam kita punya Akta Perumahan, Dato' Yang Dipertua, bila dah buat rumah bersaiz, ber, berstatus strata, mesti diurus diurus oleh *Joint Management Corporation (JMC)*, dengan, dengan, dengan izin. Mana orang, mana ada orang nak buat *Joint Management Corporation*, Dato', Dato' Yang Dipertua, mereka tu kebanyakan yang duduk di situ pun adalah penerima, penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Mereka tak boleh urus. Jadi, ini membebankan kerajaan balik. Dia jadi *boomerang*, Dato' Yang Dipertua. Membebankan kerajaan dan mintak maaf cakap, Dato' Dipertua, tempat-tempat begini menjadi sebagai satu kawasan *slump* yang baru, kawasan, kawasan masalah sosial yang baru. Kita mengalihkan masalah dari satu tempat ke satu tempat yang baru.

Dan akhirnya tempat yang baru ini jugak akan menjadi masalah kepada kerajaan dan akhirnya tidak terkawal dan menjadi masalah masyarakat.

Inilah yang kita nak buat. Dia akan menjadi menang-menang-menang. *Win-win-win situation*. Bukan *win-win*, *win-win-win*. Tiga *win*. Orang tak lagi akan duduk di rumah satu bilik. Bayangkan rumah dia satu bilik, Dato' Yang Dipertua, macam mana nak, macam mana nak duduk di rumah satu bilik. Anak tiga empat orang. Macam di Ampangan. Macam di Lobak. Macam di Jalan Templer. Menjadi masalah. Jadi, ini kita nak letakkan sebagai suatu sejarah dalam industri perumahan di Negeri Sembilan. Kita tidak mahu lagi membina rumah-rumah sebegini, tetapi kita akan bina rumah apa dipanggil sebagai rumah mampu milik Dato' Yang Dipertua. Itulah asas kepada Dasar Perumahan Negeri Sembilan.

Yang kedua, pemaju mengalami masalah, Dato' Yang Dipertua. Ada yang dah kita luluskan, beribu-ribu rumah dah kita luluskan, rumah kos harga rendah, belum dibina. Ada yang dah dibina, tapi tak boleh dijual. Tak ada siapa nak duduk pun. Melainkan orang terdesak nak duduk. Pemaju rugi. Akhirnya pemaju terpaksa, Dato' Yang Dipertua, kerana terpaksa untuk *incompliant*, dengan izin, untuk mereka mematuhi syarat 30 peratus ini, ada yang tak bina pun, dia, dia kata dengan kerajaan, dia akan bina kemudian kerana dia kata, nak me, nak, untuk mereka mengurus dia punya aliran tunai. Maka, dibina dulu. Langsung tak bina, pun ada jugak. Ada yang bina, tetapi mereka rugi, maka mereka terpaksa *absorb*, ataupun mereka terpaksa mengambil kerugian tersebut dengan mereka mengalihkan kerugian tersebut ke rumah yang 70 peratus lagi tu. Jadi, secara tidak langsung ia akan menolak, melonjakkan harga rumah yang 70 peratus lagi ini, untuk peniaga menutup kerugian mereka di atas *portion* yang 30 peratus itu tadi. Jadi secara automatik harga rumah akan tinggi. Ini sedang berlaku.

Dan di kalangan pembeli pulak Dato' Yang Dipertua, mereka ini menjadi *panic buying*. Mereka terpaksa beli rumah sekarang ini kerana takut kalau tunggu lagi, harga rumah akan lagi tinggi. Maka, berduyun-duyunlah orang, bila bukak saja orang beli, berderet-deret, dan pemaju, fasa satu jual 80, fasa dua jual 300. Kerana mereka tahu memang ada *market* ataupun ada orang nak beli. Kerana orang tak ada kepastian, Dato' Yang Dipertua, apakah harga rumah ini akan stabil besok pagi, stabil minggu depan, stabil tahun depan kerana kita kena berbalik semula kepada konsep asas ekonomi, *demand and supply*, ya.

Jadi, Dato' Yang Dipertua, inilah yang kita kaji, di Negeri Sembilan, dan kita buat dasar baru, dan kita keluar daripada kepompong lama kita, kita tidak mahu lagi pakai Dasar Perumahan Negara yang telah berpuluh-puluh tahun yang tak pernah dikaji. Kita buat dasar kita iaitu kita nak pastikan supaya kita nak supaya pemaju binalah rumah mampu milik, Dato' Yang Dipertua. Rumah yang mampu dimiliki, ya. Rumah yang boleh dibeli, dimiliki oleh orang. Maka sebab itulah kita katakan, mana-mana pemaju-pemaju perumahan yang akan memajukan kawasan perumahan, nak membina kawasan perumahan 10 ekar ke atas, maka mereka dikenakan untuk membina rumah mampu milik tidak kurang daripada 50 peratus. 50 peratus daripada kandungan unit yang nak mereka bina mestilah dalam bentuk rumah mampu milik.

Dan rumah mampu milik ini pulak ada tiga kategori Dato' Dipertua. Kategori satu ataupun *type A*, rumah yang nak dibina, 15 peratus daripada 50 peratus tadi, mestilah rumah yang berharga tidak melebihi 80 ribu ringgit, tidak melebihi 80 ribu ringgit, dan dia punya keluasan mestilah tidak kurang daripada 20 x 60. Tiga bilik, sekurang-kurangnya 1,200 kaki, besar, Dato' Yang Dipertua. Dan lagi 15 peratus, rumah yang nak dibina ini mestilah tidak melebihi harga 250 ribu ringgit, Dato' Yang Dipertua. Dan dia punya bukak mestilah sekurang-kurangnya 20 x 65. Sekurang-kurangnya, minimum ya, tapi terpulanglah nanti, *demand and supply again*. Dan *type C*, ataupun jenis ketiga, ialah 20 peratus daripada 50 peratus tadi, mestilah rumah yang tidak melebihi harganya 400 ribu ringgit, yang mana keluasannya mestilah tidak kurang daripada 22 x 70. Jadi ini *type*.

Lepas tu Dato' Yang Dipertua, untuk kita pulak memastikan supaya orang kata menang sorak nanti kampung tergadai, kita telah jugak melihat dan kita mengkaji dan ini kita bukan *point* agak-agak Dato' Yang Dipertua. Kita tak main agak-agak dan kita dah buat kajian dan kita telah buat *survey* bahawasanya Dato' Yang Dipertua, kita perlu meningkatkan kuota bumiputera daripada 30 ke 50 peratus. Dengan ada anjalan, ada *portion* anjalan Dato' Yang Dipertua, yang 30 peratus, akan tetap menjadi rizab bumiputera. Yang 20 peratus lagi itu akan menjadi sebagai lot terbuka bumiputera. Yang mana dia akan dile, diletakkan dalam *moratorium*, dengan izin, boleh jadi lima ke lapan tahun, mereka boleh jual kemudian.

Ini yang sedang kita buat, Dato' Dipertua, dan kita telah pun berunding dan telah pun kita bersama-sama dengan persatuan pemaju-pemaju perumahan, kita dah buat *engagement*, dengan izin, dan mereka faham bahawa inilah yang terbaik untuk kita bagi jaminan kepada rakyat di Negeri Sembilan bahawa pada setiap satu-satu ketika, akan terus ada

rumah-rumah mampu milik yang terus akan dibina oleh pemaju-pemaju. Dan mereka tidak lagi perlu, orang kata, *panic buying* dan jugak pemaju tidak lagi rugi, Dato' Dipertua, kerana terpaksa membina rumah kos harga rendah dan menjual cuma 45 ribu ringgit. Jadi, ini suatu keadaan yang kita katakan, Dato' Dipertua, dengan izin, *win-win situation*, semua orang akan menang.

Dan inilah bentuk, jenis industri perumahan yang bakal dan akan berlaku di Negeri Sembilan dengan kita mengambil kira keadaan kita di mana kita berhampiran dengan Kuala Lumpur, tekanan daripada Kuala Lumpur, orang Kuala Lumpur beli rumah di sini. Dan kita akan pastikan supaya ini akan kita lakukan dengan terbaik yang mungkin.

Dato' Dipertua, kita jugak akan mengadakan apa yang dipanggil sebagai Portal Perumahan Kerajaan Negeri Sembilan. Di mana semua industri, pemain-pemain, pemaju perumahan, *industry players* bersama-sama memajukan ataupun membina portal perumahan ini di mana setiap projek perumahan akan dimasukkan dalam portal perumahan ini. Jadi, orang-orang daripada Singapura, orang daripada Kedah, orang daripada Sabah, orang yang duduk di Thailand, orang yang duduk di Germany, mereka kalau anak Negeri Sembilan ataupun anak Malaysia nak beli rumah di Negeri Sembilan, mereka klik saja Portal Perumahan Kerajaan Negeri Sembilan, mereka boleh nampak secara keseluruhannya. Dan mereka boleh pergi setiap, setiap kawasan perumahan Dato' Dipertua. Mereka boleh nampak dan boleh *interact*.

Dan di situ jugak kita letakkan, dalam itu kuota bumiputera supaya kuota bumiputera ini tidak membebankan pemaju. Walaupun kita ada kuota, kita naikkan daripada 30 ke 50, Dato' Yang Dipertua, tetapi kita masih lagi mengamalkan seperti apa yang kita amalkan sekarang ini, kita tidaklah begitu *rigid*, Dato' Yang Dipertua.

Dan dalam kita punya dasar perumahan baru ini jugak, kita jugak telah mengadakan satu *schedule*, ataupun satu lampiran, di mana ada tempat-tempatnya yang telah kita kenal pasti, memang tidak mungkin untuk kita meningkatkan kuota bumiputera ini untuk dijadikan sebagai dasar. Jadi kita jugak ada *schedule*, kawasan-kawasan seperti di Lobak, kawasan di Temiang, di Bahau, di Lukut, memang tidak ada kemungkinan, Dato' Dipertua. Jadi ini kita *flexible* dan kita akan buat dengan secara berhemah yang mungkin, Dato' Yang Dipertua.

Jadi, inilah dasar perumahan kita. Kita nak pastikan supaya rakyat Negeri Sembilan akan berasa bahawa inilah mesej, inilah *signal* yang dibagi oleh Kerajaan Negeri bahawa kita prihatin dan kita amat insaf bahawa harga rumah yang ada sekarang ini memang *beyond their*

means, ataupun di luar kemampuan mereka. Kita nak bina rumah mampu milik, Dato' Dipertua. Kita tak mahu lagi ada keadaan di mana ada rumah mampu tengok saja, ya. Rumah mampu tengok banyak sekarang. Mana mampu dibeli lagi, 500 ribu, rumah teres. 700 ribu rumah, rumah berkembar. Dan 1 juta lebih. Jadi ini memang jadi rumah mampu tengok saja. Bukan rumah milik. Tak mampu dimiliki oleh orang. Jadi kita mahu mantapkan industri perumahan.

Dan dalam masa yang sama, kita tidaklah mahu melihat supaya pemaju-pemaju terlampau mengambil keuntungan, Dato' Dipertua. Kita buat *acid test*, Dato' Dipertua, ada satu syarikat, dia punya GP, dia punya *Gross Profit*, Dato' Dipertua, hampir 50 peratus. Kita bukan marah buat, orang buat untung, tetapi ini merupakan satu proses pengambilan untung yang teramat sangat. Jadi, Dato' Yang Dipertua, dia punya *rule of thumb*, dengan izin, industri perumahan, Dato' Dipertua, paling banyak pun dia punya GP, paling tinggi pun 25 peratus. Itu paling tinggi. Jadi, kita tidak mahu terlibat dan terjebak dalam usaha orang yang nak mengambil keuntungan yang terlampau banyak.

Jadi satu dasar intervensi perlu dan memang perlu kita adakan di negeri ini untuk menjaga kesejahteraan rakyat, menjaga kepentingan rakyat dan untuk pastikan rakyat berasa selesa tinggal di dalam negeri yang mempunyai dasar perumahannya yang akan terus pastikan bahawa rakyat tidak terus terbeban dengan kos rumah yang tinggi dan akan ada rumah mampu milik yang boleh dimiliki oleh mereka. Ini dasar kita. Bukan dasar kita nak membunuh industri perumahan. Bukan dasar kita nak memusnahkan institusi perumahan. Kita mahu hidup bersama supaya mereka jugak boleh hidup, mereka boleh bina rumah, dalam masa yang sama rakyat tidak terus terbeban dan terus tercicir.

Dan kita lagi satu, nak mengelakkan apa dipanggil sebagai elemen spekulasi, *speculation element* ini Dato' Dipertua, menyebabkan harga rumah tinggi. Ada orang yang berduit, ada orang yang kaya, dia beli rumah sampai lima enam biji. Dia beli rumah sampai, rumah kedai sampai lima biji. Lepas tu jual. Ini pun ada. Jadi, kita tidak mahu orang kaya terus kaya, orang yang berpendapatan rendah, sederhana terus terkial-kial dan terus tertindas. Inilah dasar yang nak kita buat. Saya harap Dewan yang mulia, yang bersidang hari ini, ahli-ahli Yang Berhormat faham dasar Kerajaan Negeri Sembilan, dasar perumahan yang baru ini, semata-mata dibuat bukan atas apa-apa, Dato' Yang Dipertua, tetapi atas, atas untuk kita pastikan supaya rakyat di Negeri Sembilan mempunyai suatu keadaan di mana industri perumahan tidak membebankan mereka. Mereka boleh diam.

Tentang rumah kos rendah tak ada lagi, Dato' Dipertua, itu patut kita letakkan dalam sejarah. Tidak patut lagi, dalam dunia yang serba canggih dan moden ini, orang terpaksa tinggal dalam rumah satu bilik. Memang tidak sesuai Dato' Yang Dipertua. Dan tidak boleh lagi di, dijadikan sebagai dasar kita. Perlu kita tinggalkanlah dasar yang lama ini untuk kita *migrate*, ataupun untuk kita berhijrah, Dato' Yang Dipertua, kepada dasar yang baru supaya kesejahteraan masyarakat, kesejahteraan orang ramai menjadi keutamaan kita. Dan seperti yang saya sebutkan tadi, memang kawasan-kawasan rumah-rumah kos rendah ini akan menjadi beban kepada kerajaan akhirnya. Mereka tak boleh urus, mereka tak boleh nak buat apa-apa. *Common area*, Dato', dengan izin, tak boleh diurus, lif dia tak boleh diurus, lif rosak. Macam-macam Dato' Yang Dipertua. Ini pun saya mintak jasa baik daripada PBT-PBT, Dato' Yang Dipertua, disebabkan di Negeri Sembilan ini tak timbul isu-isu sebab PBT saya mintak supaya uruskanlah. Kerana kalau nak mintak mereka punya persatuan pengurusan bersama, Dato' Yang Dipertua, ataupun *joint management group*, *joint management corporation* dia memang mereka tak boleh urus.

Jadi itulah, kita mahu melihat supaya kita melangkah ke dalam satu keadaan di mana kita nak memasuki era negara maju. Kita mesti berfikir seperti cara orang maju. Kita mesti ada situasi, industri perumahan misalnya industri perumahan negara maju. Kita mesti ada situasi di mana dalam negara maju tidak ada lagi orang yang menderita tak mampu beli rumah. *Council home* akan terus kita bina. Kita jugak dapat tanah-tanah dan kita akan bina dengan syarikat ataupun agensi kerajaan yang lain seperti SPNB, Jabatan Perumahan, seperti yang sedang kita bina di Seliau, yang sedang kita bina di Tanah Merah, akan kita bina jugak di kawasan Saga dan yang lain-lain. Itu akan terus kita bina. Dan kita ada tanah-tanah kerajaan yang lain, kita akan buat.

Di kampung misalnya, Dato' Yang Dipertua, orang kampung pulak kita ada, akan, saya akan umumkan, Kerajaan Negeri Sembilan akan umumkan Dasar Pembangunan Luar Bandar, Dato' Yang Dipertua. Kita akan buat pulak dasar pembesaran kampung. Kita nak pastikan tanah-tanah kerajaan di pinggir kampung, kita nak bagi tanah, lot-lot rumah, 5,000 kaki satu lot ke apa yang patut untuk generasi kedua, generasi ketiga. Mereka boleh buat pinjaman ataupun mereka boleh buat dengan rumah mesra rakyat. Dan macam-macam lagi. Ini sedang kita rangka. Kita nak membangunkan Negeri Sembilan, Dato' Yang Dipertua, awal tahun depan, kita akan umumkan Dasar Pembangunan Dan Pemodenan 30 Tahun Negeri Sembilan menjadi sebagai *anchor* kepada negeri ini.

Iniilah dasar kita, nak membangun dan memodenkan Negeri Sembilan. Tapi dalam masa yang sama, kita akan terus memperkukuhkan Dasar Jaringan Keselamatan Sosial kita dengan mengambil kira supaya rakyat tidak terus tercicir dan terbeban. Dan kita akan masukkan intervensi-intervensi, dasar-dasar lain seperti dasar pelajaran kita, dasar-dasar yang lain dan dasar pembangunan luar bandar serta dasar untuk mengukuhkan rakyat dalam segi pelajaran dan yang lain-lain.

Dato' Yang Dipertua, inilah dasar yang saya harap supaya ahli Yang Berhormat bersama-sama dengan Kerajaan Negeri. Pastikan supaya yang kita nak bagi inilah, yang nak kita buat inilah untuk kebaikan seluruh rakyat di Negeri Sembilan. Dan saya yakin bahawa rakyat Negeri Sembilan akan merasa selesa. Rakyat Negeri Sembilan akan nampak bahawa *we are sending a very strong signal*, dengan izin Dato' Yang Dipertua, bahawa kita mahu supaya rumah mampu milik sentiasa diadakan. Rumah 10 ekar ke atas. Lima ke 10 ekar Dato' Dipertua, kita ikut dasar lama, ya. Jadi rumah 10 ekar.

Dan dalam pada itu, dalam dasar perumahan baru ini Dato' Dipertua, mana-mana kawasan perumahan yang nak dimajukan melebihi 100 ekar, Dato' Yang Dipertua, kita mahu supaya pemaju mengadakan dia punya sistem *transport, public transport* dia sendiri. Kita akan buat. Kita akan buat percubaan kerana masalah rakyat yang hadapi sekarang ini, Dato' Dipertua, ialah jugak masalah pengangkutan awam. Jadi, kita nak mintak supaya semua pemaju yang mempunyai kawasan pemajuan perumahan melebihi 100 ekar, mereka mesti mengadakan *public transport* ataupun pengangkutan awam mereka sendiri seperti *mini bus* ke apa, mereka pungut dalam taman-taman mereka, lepas tu letakkan dalam satu kawasan *bus stop* ataupun tempat perhentian bas di tepi jalan besar, kita punya sa, Suruhanjaya Pengangkutan Awam punya kenderaan, Dato' Yang dipertua, akan memungut mereka ini dan akan membawak ke pusat-pusat seperti di terminal bas, di terminal keretapi dan yang lain-lain. Jadi kita nak ada satu rangkaian pulak di Negeri Sembilan ini. Rangkaian pengangkutan awam yang amat *reliable*. Yang boleh orang kata, diharapkan.

Jadi, ini juga akan mengurangkan kos sara hidup orang ramai. Tidak perlu lagi ambil teksi daripada Temiang nak pergi ke, nak pergi ke, nak stesen keretapi sampai 10.00 – 15.00 ringgit. Tapi jika ada bas, Dato' Yang Dipertua, jika ada bas daripada taman mana-mana, bawak mereka ke tepi jalan, dan bas yang ada sekarang ini iaitu di bawah kelolaan syarikat, Suruhanjaya Pengangkutan Awam, membawak pulak mereka ke stesen bas, ke stesen keretapi. Ini akan melengkapkan Dato' Yang Dipertua, melengkapkan sistem perkhidmatan awam kita. Sekarang ini dah ada dah, syarikat, Suruhanjaya Pengangkutan Awam dah buat tapi

kita tak dapat untuk terus masuk ke kawasan-kawasan yang lebih dalam lagi. Jadi, ini masalah rakyat. Jika kita buat ini Dato' Yang Dipertua, insha Allah, di Negeri Sembilan kita akan dapati satu keadaan orang boleh hidup dengan aman dan damai dan sejahtera. Itu Dato' Yang Dipertua.

Dan jangan risau pasal sekolah, pasal rumah kos rendah. Kita tak buat. Tapi kerajaan masih lagi berfungsi untuk melihat, dasar intervensi masih ada. Rumah mesra rakyat masih ada. Program Perumahan Rakyat Termiskin masih ada. Dan jika ada tanah-tanah kosong, tanah-tanah lapang, Kerajaan Negeri akan bersama-sama dengan agensi kerajaan seperti SPNB, dan jugak Jabatan Perumahan Negara untuk kita terus membina rumah-rumah yang kita tak jual terus, tetapi kita buat konsep jual, sewa dan beli. Kita buat konsep sewa dan beli. Macam Kampung Abok, kita buat konsep sewa dan beli. Macam di Seliau, kita buat konsep sewa dan beli. Dan jugak semua kawasan-kawasan lain, Dato' Dipertua, supaya ini dapat meringankan lagi orang yang berpendapatan rendah dan orang miskin.

Ini, itu tanggungjawab kerajaan. Tapi dalam masa yang sama, semua pihak mesti bertanggungjawab. Pemaju mesti bertanggungjawab. Dan bila semua mengambil tanggungjawab masing-masing di dalam rentetan ekonomi kita, maka saya yang, yakin bahawa yang akan mendapat faedah yang besar adalah rakyat dan jugak masyarakat orang awam. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

[Y.B. ADUN Y.B. ADUN Juasseh dan Bukit Kepayang bangun serentak]

Y.B. Bukit Kepayang: Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Juasseh: Dato' Yang Dipertua, saya punya soalan, saya tak benarkan Dato' Dipertua

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Saya serah kepada

Y.B. ADUN Juasseh: saya ada soalan tambahan saya.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Saya punya soalan, digabungkan dengan soalan

Y.B. ADUN Juasseh: Dato' Yang Dipertua soalan tambahan, bagi saya peluang.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Silakan soalan tambahan.

Y.B. ADUN Juasseh: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri kerana dengan dasar perumahan yang baru ini merupakan merupakan satu intervensi yang sangat baik dan memberi pulangan bukan sahaja kepada rakyat tetapi jugak kepada pihak pemaju yang selama ini membuat perumahan dari segi kos rendah, selain daripada jugak kerajaan buat.

Dulu kita ada dasar 30 peratus. Selepas itu yang lainnya terpulang nak buat berapa pun kos. Jadi ada dua kategori. Satu orang miskin, yang lain tu terus kepada orang yang paling kaya. Itu yang berlaku, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Tapi hari ini dengan intervensi daripada Kerajaan Negeri, kita boleh memberi ruang kepada orang yang *medium income*, dengan izin, berpendapatan sederhana untuk membeli rumah mampu milik kerana difahamkan 15 peratus untuk 80k ke bawah, 15 peratus lagi 250k ke bawah, dan 20 peratus lagi 400k ke bawah. Yang lain itu tu pihak pemaju boleh jual ambil untung banyak mana pun nak ambil.

Dan persoalan saya, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dulu kita ada kategori untuk orang susah, hari ini kita pergi kepada kategori untuk orang mampu milik. Dan kategori orang susah ni, Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat ADUN Rantau telah pun terangkan kerajaan akan menyelesaikan isu orang miskin ini. Tetapi dulu ada bantuan, ada sokongan daripada pihak pemaju untuk sama-sama membantu pembangunan rumah kos rendah. Hari ini saya nampak, boleh kata keseluruhan terbeban kepada pihak kerajaan terutamanya Kerajaan Negeri walaupun ada bantuan dari Kerajaan Pusat, yang SPNB-nya, yang lain-lainnya. Tapi saya nak bertanya, kepada pihak kerajaan, bagaimana pihak pemaju ini jugak akan terus membantu untuk perumahan kos rendah ini untuk setidak-tidaknya membantu Kerajaan Negeri menyelesaikan masalah. Sebab rakyat kita bertambah, orang memerlukan rumah kos rendah jugak bertambah. Dan golongan ini saya nampak terbeban keseluruhannya kepada Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan orang yang berpera, berpendapatan rendah. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, seperti yang saya katakan tadi, bahawa kita dah nak beredar, kita nak berhijrah dah. Kita tak mahu lagi ada keadaan di mana orang masih lagi terpaksa hidup dalam kawasan rumah kos rendah. Rumah yang memang tak sesuai untuk diduduki. Kita dah nak jadi negara maju Dato' Dipertua, kita dah nak jadi negeri maju. Makanya kita tidak akan lagi mengadakan rumah-rumah kos rendah. Kalau ada pun yang dibina oleh kerajaan seperti di Seliau, dan akan siap di Tanah Merah, dan di kawasan-kawasan lain. Dia bukan rumah berbentuk rumah kos rendah, Dato' Dipertua. Dia adalah rumah yang kita dirikan sebagai rumah mampu milik yang jugak kita buat dalam bentuk yang berbeza. Bukannya dalam bentuk sewaan, atau bentuk jual terus, tapi sewa dan beli.

Ini sedang kita lihat dan kita ada beberapa *pocket of lands*, dengan izin Dato' Yang Dipertua, tanah-tanah yang strategik, yang akan kita bina sama ada bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan ataupun dengan, dengan jabatan-jabatan yang lain, ataupun kita akan bekerjasama dengan pihak swasta. Macam di Labu, kita ada 100 ekar, Dato' Yang Dipertua, kita akan bina rumah yang dalam bentuk saya katakan tadi iaitu rumah mampu milik yang dalam bentuk yang berbeza. Macam di kawasan-kawasan lain masih ada tanah-tanah kerajaan. Kita telah pun menye, meletakkan, mengeneipkan seluas 45 ekar, Dato' Yang Dipertua, satu kawasan di Sendayan untuk pegawai-pegawai kerajaan. Kita buat rumah untuk pegawai kerajaan yang mana secara automatiknya pegawai kerajaan punya rumah ini Dato Dipertua, ialah dia akan mendapat diskaun antara 25 ke 30 peratus daripada harga pasaran, ini untuk pegawai kerajaan. Jugak di Sendayan, kita akan jugak bina Dato' Yang Dipertua, iaitu rumah untuk generasi kedua ketiga di Sendayan, seperti dijanji. Boleh jadi kita bina 450 biji ke 500 biji. Tapi, ini akan kita lancarkan tak lama lagi. Sepatutnya kita lancarkan tempoh hari, Dato' Dipertua, tapi tak jadi. Ini yang kita lihat.

Dan skim perumahan pegawai kerajaan Dato' Dipertua, bukan saja di Seremban. Kita tak berhenti di Seremban sahaja. Tapi kita akan jugak buat di daerah-daerah yang mana ada kawasan-kawasan. Kerana kita jugak kenal pasti bahawa anggota perkhidmatan awam jugak tertekan. Bukan orang ramai. Perkhidmatan awam pun jugak sebagai orang ramai. Mereka jugak tertekan dengan pendapatan yang tetap setiap bulan, Dato' Dipertua, mereka tidak mampu, mereka mempunyai masalah dan macam-macam lagi. Ini yang sedang kita rangka sebagai suatu rangka perumahan di dalam negeri. Kita akan mengambil kira sekenap, segenap lapisan Dato' Yang Dipertua.

Jadi, tak usah risau. Ya, pemaju tidak lagi dibebankan, saya pakai, gunakan perkataan "dibebankan", dengan terpaksa membina 30

peratus rumah kos rendah. Kebanyakan sekarang Dato' Dipertua, kita telah pun melonggarkan rumah kos rendah ini, Dato' Yang Dipertua. Banyak pemaju-pemaju yang datang, terpaksa bina rumah kos rendah, kita kata mereka tak mampu lagi. Kita dah suruh, kata, kau binalah rumah yang bukannya sekurang-kurangnya 18 kaki, tapi banyak yang buat 20 kaki. Dan tidak lagi memerlukan mereka memenuhi kuota 30 peratus tersebut. Kita dah, kita dah buat dah bertahun-tahun. Dah lama dah kita melonggarkan ini. Tetapi kita perlu satu dasar, kita tak boleh buat satu apa yang sentiasa menggunakan dasar *on ad-hoc basis*, dengan izin Dato' Yang Dipertua. Kita mesti ada satu dasar. Dasar yang boleh difahami. Dasar yang senang diikuti. Dan dasar yang *transparent*, yang telus kepada semua. Haa ini dasar kita. Kadang-kadang dasar kita dulu kita melonggarkan, tetapi ada yang kita bagi, ada yang kita tak bagi. Kita tak mahu buat dasar begitu, Dato' Dipertua. Kita nak buat dasar, biarlah dasar ini semuanya *applicable*, ataupun semuanya kepada semua orang. Jadi, bila kita buat dasar, kita tak boleh dasar kepada, kerajaan suka orang tu kita bagi, kerajaan tak suka orang tu kita tak bagi. Jadi kita tak mahu. Kita buat semua.

Jadi, inilah industri perumahan, bentuk industri perumahan yang akan dan sedang dan akan berlaku di Negeri Sembilan dan pengakhir ceritanya, Dato' Dipertua, ialah, rakyat akan mendapat faedah. Pemaju tidak akan rugi. Pemaju akan terus mendapat faedah. Dan kerajaan tidak terus dibebani dengan isu-isu orang tak mampu nak beli rumah. Semua ada rumah mampu milik. Dan intervensi daripada kerajaan selepas ini ialah melihat memang akan ada masalah, Dato' Dipertua, *pockets of peoples, pockets of society* yang, dengan izin, yang tidak mampu beli, di situ kita akan masuk sebagai dasar intervensi untuk kita membuat rumah-rumah yang mereka ini tidak mampu beli tapi untuk mereka tinggal, untuk mereka sewa dan beli, dan macam-macam jenis lagi. Tetapi majoriti lapisan yang besar dia Dato' Yang Dipertua, ialah lapisan orang yang boleh mampu beli rumah tapi disebabkan oleh harga rumah yang melambung tinggi, mereka dah tak mampu. Dan jika kita masukkan elemen rumah mampu milik ini, maka kita telah, dengan, insha Allah dengan izin Dato' Yang Dipertua, kita akan dapat menyelesaikan mas, masalah sebahagian besar daripada masyarakat. *A big portion of the problem face by society today*, dengan izin Dato' Yang Dipertua, akan dapat kita selesaikan. Orang mampu beli, gaji 3,000.00. Tapi dengan keadaan harga rumah sekarang dah 500 ribu. Dia tak boleh mampu. Tai kalau ada rumah 250 ribu, rumah 80 ribu, mereka boleh beli. Haa ini yang nak kita selesaikan dulu.

Dan dasar intervensi untuk mereka yang miskin, yang daif ini Dato' Yang Dipertua, akan terus kita jalankan akan kerajaan pikul, sebagai

tanggungjawab kerajaan yang berwibawa, Dato' Yang Dipertua. Dengan izin, terima kasih.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Dato' Yang Dipertua

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli Yang Berhormat

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: saya, memandangkan, sila duduk YB, Dasar Perumahan Negeri Sembilan ini begitu cemerlang, jadi saya nak dalam Dewan ni, ada permasalahan, tuan-tuan boleh tanya. Jadi saya benarkan satu lagi supaya dasar ini akan dapat difahami oleh semua ahli Yang Berhormat. Saya nak nanti, selepas persidangan Dewan ni, tak ada cerita yang, ahli Yang Berhormat tak faham. Kalau orang ramai tak faham tu nombor dua. Ahli Yang Berhormat mesti faham, jadi saya benarkan satu soalan. Persilakan.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Dato' Yang Dipertua, saya kemukakan soalan tambahan. Tadi Yang Amat Berhormat keti, ketika menjawab soalan asal ada menyebutkan bahawa untuk kawasan-kawasan tertentu yang dalam *schedule*, seperti Lobak, Lukut dan sebagainya, dia ada *exceptional* di sana. Di samping itu Yang Amat Berhormat Dato' Seri juga ada mengatakan bahawa dengan Dasar Perumahan Negeri yang baru ini, 50 peratus kuota bumiputera. Daripada 50 peratus tersebut, 30 adalah rizab bumiputera dan 20 lagi dianggap sebagai lot terbuka bumiputera. Yang mana 20, kalau ikut pemahaman saya, 20 peratus ni bolehlah dipohon pelepasan bumi selepas lima hingga lapan tahun seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat.

Jadi, Yang Amat Berhormat saya nak tanya, ta, berdasarkan dua benda ini. Satu yang 20 peratus lot terbuka bumiputera yang boleh dipohon. Dan satu lagi ada *schedule* untuk lo, lokasi tertentu. Jadi, macam mana dua perkara ni dapat di, dilaksanakan serentak. Misal kata, saya bagi contoh, kalau ada satu projek perumahan di kawasan Lobak, okay, sebab Lobak tu, di bawah *schedule* ni, adakah terdapat pengecualian tertentu. Makna, maksud saya pengecualian tu 20 peratus tersebut. Tak perlu tunggu lima hingga lapan tahun. Dan, itu persoalan saya.

Dan saya, dan satu lagi, da, kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama, adalah berkenaan dengan dasar perumahan yang baru ini, tadi Dato' Seri ada mengatakan bahawa untuk projek perumahan tanah dengan keluasan bawah daripada 10 ekar, dasar lama masih terpakai. Jadi, dasar lama tu, macam mana nak *synchronize* dengan dasar baru ni. Apakah akan ada dua dasar yang berlaku serentak? Sebab dua dasar ini, yang bagi saya nampak perbezaan yang paling ketara adalah rumah kos rendah 30 peratus untuk yang lama, dan rumah mampu milik 50 peratus untuk yang baru, dan satu lagi dasar bumiputera.

Dan akhir sekali, Dato' Seri, berkenaan dengan tarikh mula berkuatkuasa. Apakah kuatkuasa tu, tarikh *launching* dia ataupun tarikh pelan pembangunan diluluskan oleh pihak Kerajaan Negeri? Terima kasih.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Dipertua, soalan daripada Kepayang. Memang kita buat anjalan, kita buat 20 peratus anjalan Dato' Dipertua, kerana kita tidak mahu pulak ada orang yang terperangkap dalam dasar kita ya. Jadi, mana yang nak beli 30 peratus rizab bumiputera itu, dia akan mendapat diskaun yang lebih. Dan yang 20 peratus ini dia akan dapat diskaun yang kurang sedikit, Dato' Yang Dipertua ya. Antara 10 dan 5 peratus. Dan mereka boleh menukarkan, boleh menjual lot mereka ini selepas lima ataupun 10 tahun, ataupun lima ataupun lapan tahun, Dato' Dipertua, kerana kita tidak mahu pulak ada orang yang membeli ini didenda ataupun terpaksa, jadi mereka boleh jual. Misalnya, pegawai-pegawai kita, saya ambil contoh, pegawai-pegawai kerajaan yang dia beli rumah masa tu di Gred 41. Tapi dalam masa lima tahun dia boleh 'dapek' naik Gred 44 ataupun 48, dia dah mampu nak beli rumah 250 ribu. Mereka boleh jual yang lot yang terbukak, lot terbuka bumiputera ini Dato' Dipertua, ya. Ini kita bagi kelonggaran.

Yang keduanya, soalan tadi ialah di kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi kita akan pakai dasar tersebut. Tetapi kita ada bagi kelonggaran, Dato' Yang Dipertua. Sebagai dasar, dasar tetap sama. 50 peratus kita buat mana-mana. Tapi ada kawasan-kawasan yang kita kenal pasti yang memang tak boleh, Dato' Yang Dipertua, dan ini akan kita bagi kelonggaran dari masa ke semasa, Dato' Yang Dipertua. Tapi, seperti saya katakan tadi, sebagai dasar, dasar mesti *applicable to all*, dengan izin Dato' Dipertua, kita tidak boleh buat dasar cuma dasar baik untuk orang ini, tak baik untuk orang itu, tak boleh. Kita buat dasar, tapi kita ada kelonggaran-kelonggaran yang akan kita buat. Mana rumah-rumah, kawasan perumahan yang 10 ekar ke bawah, kita akan buat apa yang dipanggil sebagai tidak ada rumah 80 ribu, semua 250

ribu. *250 thousand* rumah mampu milik, ya. Dan 30 peratus rumah kos murah ni pun tak pakai lagi ya. Kita buat 250 ribu rumah yang lima ke 10 ekar. Tidak ada kenaan yang dikenakan ke, terhadap pemaju yang 10 ekar ke lima ekar, ataupun lima ekar 10 ekar, tak perlu buat bina rumah yang 80 ribu, tapi 250 ribu rumah mampu milik. Dia terus pergi ke *Type B* dan *Type C*, 250 ribu dan 400 ribu. Itu kita buat, kerana mengambil kira dia punya *cash flow* dan jugak mengambil kira dia punya pengiraan jumlah rumah tidak memungkinkan mereka.

Kita buat dasar ini Dato' Dipertua, tak nak, tak nak bebankan pemaju. Ini sebabnya saya katakan tadi Dato' Yang Dipertua ialah dasar menang-menang-menang. Kalau kita bebankan mereka lagi, mereka terpaksa jual rumah lebih tinggi lagi. Jadi, kita tidak mahu orang kata, kita pemaju terbeban dan mereka meletakkan kerugian mereka kepada unit yang lain. Jadi, ini kita lihat dan kita akan dari masa ke semasa, *on best effort basis*, dengan izin Dato' Yang Dipertua, kita akan melihat dia punya proses pengiraan dan kita akan lihat dia punya berapa banyak keuntungan yang mereka buat. Kita boleh senang-senang kira, Dato' Dipertua. Dan kita tak mahu pemaju perumahan di Negeri Sembilan mengambil keuntungan yang melampau. Itulah yang nak kita buat.

Dan saya dah jawab tadi kan. Ada lagi?

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Tarikh pelaksanaan, macam

Y.A.B. ADUN Rantau: Tarikh pelaksanaan memang dah dilaksana, saya dah umumkan. Bulan 6 tempoh hari. Tarikh pelaksanaannya Dato' Dipertua, ialah telah pun berkuat kuasa. Itulah sebabnya kita telah panggil pemaju-pemaju yang dulunya tersangkut dengan rumah-rumah kos harga rendah ini, kita akan berunding semula untuk kita pastikan supaya macam mana mereka boleh masuk, *migrate* ataupun berhijrah ke dalam dasar yang baru. Tetapi mereka yang baru, Dato' Yang Dipertua, tak ada masalah. Mereka yang belum dapat Kebenaran Merancang, tak ada masalah. Mereka yang telah dapat Kebenaran Merancang, kita akan pastikan kita boleh berunding dengan mereka, dan kita lihat jika mereka terpaksa dulu bina 30 peratus rumah kos harga rendah, sekarang ni kita akan cuba untuk kita ubah suai dengan dasar yang baru. Dan mereka boleh buat rumah mampu milik, tetapi rumah mampu milik itu, dia punya kandungan mestilah lebih daripada 15 peratus rumah yang 80 ribu ke bawah. Ini meringankan beban. Ini akan membebaskan mereka daripada perangkap aliran tunai, *this will release them from the cash flow problem*. Kerana mereka terperangkap dengan keadaan aliran tunai, tak boleh jual rumah. Rumah kos rendah

mereka belum buat lagi, tanah mereka tak, tak boleh buat apa-apa kerana mereka tahu Dato' Yang Dipertua, kalau mereka bina, mereka rugi.

So, ada pulak, itu kadang-kadang kesilapan kita dari segi pentadbiran Dato' Dipertua, kita dulu tak cop, kita tak cop tanah tersebut, tanah ini khusus untuk rumah kos harga rendah. Ada pemaju yang dulu dia kata nak buat, yang *last-last* bila nak buat, dia dah jual tanah pun. Bawak *paper* ke exco, exco tak tahu, tanah kata nak buat tukar milik. Kita bagi tukar milik tanpa kita sedar bahawa tanah tersebut adalah tanah sepatutnya pemaju membina rumah kos harga rendah di situ. Kita tertipu. Saya guna perkataan "tertipu" dengan izin, di atas kesilapan kita sendiri. Itu sebabnya kita telah arahkan bahawa untuk masa yang sekarang dan akan depan, rumah mampu milik punya lot kita cop dulu tanah di situ. Kebenaran Merancang kita cop dulu. Dulu kita tak cop pun. Dulu tak cop. Rumah kos rendah situ patut buat. Dia katakan 10 ekar misalnya, dia tak cop, jadi kosong, pegawai bertukar. Lepas tu bila buat keputusan ataupun bila buat proses *paper*, tak tengok pulak *master plan*, nak tukar tanah nak jual, bagi. Exco tak dapat apa-apa *because* kita tak nampak apa-apa Dato' Dipertua. Maka ter, terjuallah tanah yang sepatutnya mereka dirikan rumah kos rendah. Maka, dah kerajaan tertipu.

Ini, dasar baru Dato' Dipertua, 50 peratus ni, rumah mampu milik ni kita akan cop, 80 ribu punya kawan kat mana, 250 ribu punya kawasan di mana, 400 ribu ke bawah macam mana. Kita tak mahu lagi kita membuat kesilapanlah, Dato' Dipertua. Kita buat kesilapan dan akhirnya kita menerima akibatnya. Banyak pemaju-pemaju, Dato' Yang Dipertua, saya boleh bagi tahu, lima enam pemaju yang dah jual tanah, yang patutnya dibuat rumah kos harga rendah. Jadi mereka, akhirnya untung begitu sajalah. Saya tak marah orang buat untung Dato' Dipertua. Kerajaan tak marah orang buat untung. Tapi kita mesti ada *honestly*, kita mesti ada kejujuran. Kalau beginilah caranya pemaju-pemaju tu, kita tak perlu pemaju yang begini di Negeri Sembilan Dato' Dipertua. Dia boleh buat bisnes di negeri lain. *We don't need this kind of*, orang kata, orang kata, orang kata, ahli masyarakat yang tak jujur.

Itu sebabnya kita bukak sekarang, kita buat dasar perumahan baru, memandangkan bahawa kaedah lama ini membebankan banyak pihak. Bukan saja membebankan pemaju, rakyat yang nak duduk situ tak selesa, tak sesuai, dan kerajaan jugak akan akhirnya terbeban dengan masalah-masalah sosial yang berlaku di kawasan-kawasan rumah yang sebegini, Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Silakan soalan seterusnya.

Y.B. ADUN Juasseh: Dato' Yang Dipertua, saya bangun kemukakan soalan kedua.

Y.B. ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, bagi menjawab soalan yang kedua Yang Berhormat Juasseh, selaras dengan dasar Kerajaan Negeri bagi membangunkan negeri dan mensejahterakan rakyat, satu elemen penting yang kerajaan fikirkan ialah soal yang berkaitan dengan kebersihan. Dalam kita mensejahterakan rakyat, kita harus mempunyai secara majoritinya ataupun keseluruhan rakyat berada di dalam keadaan yang sihat. Kalau ini tidak diambil kira, maka salah satu masalah utama yang akan dihadapi oleh pihak kerajaan ialah masyarakat ataupun rakyat yang menghadapi penyakit, pelbagai penyakit dari masa ke semasa. Contohnya penyakit demam denggi, penyakit berjangkit, penyakit yang, yang di, dialami oleh masyarakat pada hari ini.

Kerajaan memikirkan kalau tidak dibuat sesuatu dalam proses kerajaan membangunkan tahun ke tahun, suasana masalah yang sangat penting ialah masalah soal yang berkaitan dengan kebersihan di pusat-pusat tumpuan rakyat, di kawasan tempat tinggal dan juga di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan kepada orang ramai. Kerana itu pada tahun 2013, pada bulan September 2013, maka kerajaan telah melaksanakan dasar Zon Sifar Sampah. Berdasarkan kepada tujuan utama kita buat Zon Sifar Sampah ini, Dato' Yang Dipertua, ialah untuk kita *educate* masyarakat supaya menjaga kebersihan ini bukan sahaja terletak kepada Pihak Berkuasa Tempatan.

Kita ada syarikat konsesi untuk menjaga soal yang berkaitan dengan kebersihan, kita aja, ada juga petugas-petugas daripada Pihak Berkuasa Tempatan untuk menjaga kebersihan. Tetapi petugas dan juga syarikat ini tidak mampu untuk memastikan kebersihan kawasan tempat tinggal, memastikan kebersihan kawasan tumpuan terutamanya bagi kawasan-kawasan bandar jika tidak mempunyai semangat ataupun sikap kesedaran di kalangan setiap individu yang berada di dalam negeri ini, insha Allah.

Kerana itu, Dato' Yang Dipertua, apabila kita lancarkan Zon Sifar Sampah, dan alhamdulillah sampai sehingga tahun 2014, semua kawasan ataupun daerah di Negeri Sembilan telah pun melancarkan Zon Sifar Sampah yang kita kenal pasti bagi sesuatu daerah. Ini bukan bermakna kawasan di luar kawasan Zon Sifar Sampah ini tidak

dikuatkuas, kuasakan, ataupun tidak dibuat *enforcement* untuk memastikan kawasan yang berkenaan bersih. Ini adalah sebagai satu *significant* ataupun sebagai tanda bahawa Negeri Sembilan mementingkan soal yang berkaitan dengan kebersihan bagi menjamin negeri ini akan terus menjadi satu tempat tumpuan bagi masyarakat terutamanya bagi pelancong-pelancong.

Suka saya mengambil kepu, kesempatan ini, Dato' Yang Dipertua, di dalam kawasan-kawasan yang kita isytiharkan sebagai Zon Sifar Sampah di Negeri Sembilan, kita ada lapan kawasan. Di kawasan Bandar Seremban, di kawasan Putra Point Nilai, di kawasan Tampin, Tampin Square Tampin, Pantai Saujana Port Dickson, Bandar Seri Jempol, Pekan Kuala Klawang, Taman Rekreasi Jalan Bukit Kuala Pilah dan Jalan Rembau. Hasil daripada pelaksanaan Zon Sifar Sampah, setelah setahun berlalu, kita dapati tahap kebersihan yang berada di kawasan, seluruh kawasan di daerah di Negeri Sembilan seperti yang telah ki, saya maklumkan sebentar tadi berada dan juga meningkat dari semasa ke semasa.

Kerana itu yang penting bagi kerajaan ialah selain daripada Pihak Berkuasa Tempatan, selain daripada petugas-petugas Pihak Berkuasa Tempatan menjalankan tugas hakiki untuk memastikan negeri ini berada di dalam keadaan bersih, yang sangat penting ialah setiap rakyat dan individu itu juga harus mempunyai tahap kesedaran yang tinggi, bahawa kebersihan itu adalah menjadi tanggungjawab semua masyarakat, semua ahli masyarakat bagi memastikan negeri kita akan sentiasa berada dalam keadaan bersih.

Kita faham, soal pembangunan yang dirangka dan dirancang oleh Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat ADUN Rantau, kita menuju kepada pembangunan yang sangat drastik. Dalam masa yang sama kita juga tidak mahu rakyat berada di dalam keadaan tahap kesihatan yang me, yang memungkinkan tahap kesihatan rakyat yang berada di dalam keadaan yang bermasalah. Kita tidak mahu hospital, kita tidak mahu pusat kesihatan ataupun pusat-pusat rawatan dipenuhi oleh masyarakat yang dihidapi oleh penyakit-penyakit yang tidak sepatutnya mereka alami ataupun hidapi. Kerana itu, saya ataupun Kerajaan Negeri supaya Zon Sifar Sampah ini pada masa-masa akan datang akan kita perluaskan demi untuk kesejahteraan rakyat. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Juasseh: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya menyanjung tinggi apa yang dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri kerana Zon Sifar Sampah ini dapat diadakan di tempat-tempat tumpuan

rakyat seperti yang dimaklumkan oleh pihak exco tadi. Tapi, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyerulah supaya dipercepatkan program sifar sampah ini ke kawasan-kawasan perumahan kerana kita satu masa dahulu, tak berapa lama dahulu, kita di antara negeri yang mempunyai pesakit demam denggi yang tinggi, jugak di antara negeri-negeri di Malaysia ini. Dan sebahagiannya disebabkan oleh keadaan di taman-taman perumahan terutamanya mengenai kebersihan longkang dan lain-lainnya, ya. Jadi, saya berharap ya, kepada pihak kerajaan-lah, dan soal saya bilakah ya, kita nak *extend*, kita nak panjangkan program yang baik ini terutamanya ke kawasan-kawasan perumahan? Terima kasih Dato' Dipertua.

Y.B. ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, seperti yang telah saya jelaskan bahawa Zon Sifar Sampah sedang memasuki fasa kedua di dalam pelaksanaannya. Kita terpaksa memikirkan soal-soal yang lebih *detail* di dalam kita melancarkan atau menguatkuasakan sesuatu undang-undang ataupun dasar di bawah Kerajaan Negeri. Pada awalnya bila kita *implement*, dengan izin, Zon Sifar Sampah ini, ada pihak yang tidak bertanggungjawab dan, ataupun ada pihak-pihak yang mengambil kesempatan bahawa kerajaan sudah mula untuk *finalize*, dengan izin, rakyat dan orang ramai untuk mengutip hasil kompaun yang kita kenakan kepada orang ramai. Ini bukan matlamat utama kita.

Kerana itu saya sebut sekali lagi bahawa yang penting bagi kita ialah untuk kita *educate*, dengan izin, untuk kita jadikan sebagai satu budaya di kalangan rakyat, untuk mereka meletakkan kepentingan membuang sampah sekecil *cigarette bud*, dengan izin, sekecil apa, apa kita panggil, pembungkus makanan ataupun sekecil sampah kulit rambutan, ataupun kulit mata kucing, yang dibuang secara bebas melalui kenderaan, secara bebas melalui tangan dan sebagainya. Kerana itu, itu matlamat kita. Kerana itu apabila kita masuk fasa kedua dalam penguatkuasaan atau pelebaran jajaran kawasan penguatkuasaan yang kita akan masuk ke kawasan perumahan, ke kawasan-kawasan yang lebih menjadi satu kawasan yang di, dikunjungi oleh orang ramai, maka kita harapkan supaya apabila suasana dan juga *extend* ataupun perluasan kawasan Zon Sifar Sampah dilakukan, maka kita harap supaya semua masyarakat dapat menerima dengan baik. Kerana penyakit yang berjangkit ini, Dato' Yang Dipertua, bukan saja soal yang berkaitan dengan sampah yang dibuang secara meluas dan merata oleh orang ramai tetapi ini adalah antara faktor utama bila kita tidak ada *sense of belonging*, dengan izin, semangat kekitaan untuk sama-sama jaga soal kebersihan yang berkaitan dengan tempat tinggal dan premis perniagaan kita. Maka kita bakal menghadapi satu suasana yang lebih besar, menghadapi satu suasana dengan premis dan tempat tinggal

serta persekitaran yang tidak terurus pada zaman dan ketika di mana negeri terus membangun, yang kita selalu sebut bahawa kita lebih akan maju lagi pada masa-masa akan datang.

Insha Allah, dasar ataupun perluasan Zon Sifar Sampah ini akan kita praktikkan dalam tempoh-tempoh yang akan datang, apabila kajian secara *detail* dan teliti telah kita selesaikan di peringkat daerah-daerah. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Juasseh: Dato' Yang Dipertua, untuk beri laluan kepada rakan-rakan yang lain, saya mohon soalan 3 ini dijawab secara bertulis. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Bukit Kepayang.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya kemukakan soalan yang pertama.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, memang kita, Kerajaan Negeri telah pun memberikan kelulusan untuk Syarikat Air Negeri Sembilan untuk menaikkan tarif air kepada pengguna-pengguna yang berstatus industri, perniagaan dan jugak kerajaan. Kerajaan sendiri pun kena bayar Dato' Dipertua. Tetapi tidak kepada pengguna biasa. Kita ada hampir 400 ribu kita punya pengguna, dia, majoritinya ialah 80 lebih peratus adalah merupakan pengguna biasa. Pengguna industri dan kerajaan dan perniagaan ini, dia tak banyak, Dato' Dipertua. Makanya, SAINS perlu kenaikan kadar tarif kerana paling akhir sekali kita mengkaji dan jugak mengubah tarif air di Negeri Sembilan ialah pada 2002. 13 tahun yang dulu. Tak pernah-pernah dikaji.

Dan kita pun bila buat pengalihan daripada Jabatan Bekalan Air kepada Syarikat Air Negeri Sembilan yang dipunyai oleh 100 peratus sahamnya oleh Kerajaan Negeri Sembilan, kita sekarang dalam keadaan bersama, Dato' Dipertua, dulu air ini adalah 100 peratus kuat kuasa Kerajaan Negeri, tetapi apabila Kerajaan Negeri Sembilan, negeri yang pertama buat perjanjian dengan Kerajaan Persekutuan untuk kita buat suatu pakej bekerjasama. Menguruskan air ini Dato' Dipertua, dia amat tinggi kos dia, bukan murah. Itu sebabnya Kerajaan Negeri dulu terpaksa berhutang dengan Kerajaan Persekutuan, 2 bilion lebih. Pada tahun 2004, hutang Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan hampir

2.5 bilion. Dan kebanyakan hutang ini, 80 peratus adalah semuanya hutang berkaitan dengan air. Buat empangan, buat loji, paip dan lain-lain.

Bila Kerajaan Negeri melihat untuk kita mengurangkan hutang, salah satu cara kita ialah untuk kita buat *novation* dengan Kerajaan Persekutuan iaitu kita meng, memulangkan semula hutang ini kepada Kerajaan Persekutuan, dan kita menyewa semula empangan-empangan, loji-loji ini dalam tempoh 45 tahun. Jadi ini kita dapat faedah banyak. Kita tak berhutang, insha Allah Dato' Yang Dipertua, menjelang hujung tahun ini, jika kita boleh tutup akaun kita, pakej Teriang, Dato' Yang Dipertua, hutang daripada 2.5 bilion, hampir 2.5 bilion, 2004 Dato' Dipertua, kita cuma akan ada hutang sebanyak 200 lebih juta. Banyak Dato' Dipertua. Dan kita tidak lagi memerlukan untuk buat apa yang dipanggil sebagai membayar hutang setiap tahun kepada Kerajaan Persekutuan, menanggung faedahnya, macam-macam. Dan kita mempunyai kedudukan kewangan dua kali ganda daripada hutang. Ini satu keadaan yang amat baik. Negeri Sembilan, kita, kedudukan ekonomi kita amat kukuh Dato' Dipertua, hutang kita akan menjadi 200 lebih juta, dan kita mempunyai *cash* ataupun mempunyai tunai di dalam akaun yang disatukan melebihi 500 juta. Jadi Dato' Dipertua, ini satu keadaan yang amat baik.

Dalam pada itu, Dato' Dipertua, bila kita buat penubuhan SAINS kerana kita nak buat kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan, makanya kita punya *operating plan* Dato' Dipertua, ialah kita perlu mengkaji semula kerana tak pernah kaji. Dan kos penyelenggaraan Dato' Yang Dipertua, semakin hari semakin meningkat. Khususnya penyelenggaraan, kerana Dato' Dipertua, kalau kita lihat di loji, proses pembersihan air, Dato' Yang Dipertua, ialah hampir 50 peratus Dato' Dipertua, kos dia adalah kos utiliti. Kos letrik, bayaran elektrik kerana loji berjalan 24 jam. Dan loji ini pulak, Dato' Dipertua, dia tidak mendapat apa-apa rebat ataupun tidak dapat tarif yang *special* daripada, daripada TNB. Cuma kebelakangan ini kita berunding, dan inshaa Allah kita dapat, Dato' Dipertua, makanya kos semakin lama makin tinggi, kos bayaran ataupun kos bahan kimia seperti kita bayar, beli alum dan yang lain-lain Dato' Dipertua, adalah amat tinggi. Dah tiga empat kali ganda meningkat.

Makanya SAINS dalam keadaan, Dato' Yang Dipertua, yang tidak lagi orang kata kalau dalam bahasa perniagaannya, dia akan masuk dalam keadaan yang *insolvent*, Dato' Yang Dipertua. sebab pendapatan kurang daripada perbelanjaan. Maka kita dalam keadaan *insolvent*-lah, terpaksa pulak kita buat macam-macam cara untuk terus pastikan SAINS terus beroperasi.

Jadi, kita telah pun memohon daripada suruhanjaya, SPAN, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara untuk kita kaji seperti mana yang pernah di, dipersetujui untuk kita mengkaji daripada 2008. Makanya kita baru dapat awal tahun 2015, Dato' Dipertua, untuk kita meningkatkan tarif ataupun menaikkan tarif. Itupun kita seperti mana yang saya sebutkan tadi, kita tidak akan membebaskan pengguna biasa. Pengguna biasa, 80 peratus daripada akaun ataupun meter yang ada di negeri ni adalah pengguna biasa. Cuma kita kenakan kepada kilang-kilang, kita kenakan kepada perniagaan dan jugak kerajaan. Kerajaan sendiri pun kena. Kita bukan nak kata bagi orang, kita pun kena jugak. Kerajaan pun, kenaikannya 60 sen, kenaikan daripada kadar biasa.

Jadi, dengan kenaikan tersebut, Dato' Yang Dipertua, SAINS akan dapat meningkatkan dia punya pungutan lebih kurang 4.5 juta sebulan. Jadi ini boleh membebaskan SAINS daripada keadaan yang tertekan, membebaskan SAINS daripada keadaan *insolvent*, jadi, dan SAINS boleh bayar baliklah kerana setiap, seperti apa yang telah pun kita persetujui dengan Kerajaan Persekutuan, *the sweetener for us to agreed on the arrangement for us to jointly manage water arrangement in the state*, dengan izin Dato' Yang Dipertua, was SAINS akan, ataupun Kerajaan Negeri akan mendapat bayaran air mentah dan jugak bayaran *fix royalty income* untuk setiap tahun, sebanyak 10 juta. Jadi, jika ini tak buat, Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri telah pun buat *waver* dua tiga kali kerana kita tidak mahu terus membebaskan SAINS.

Makanya, inilah salah satu sebab dan saya yakin, Dato' Dipertua, kita pun telah buat *engagement*, dengan izin, dengan semua pihak terutamanya industri, dengan FMM, Dato' Dipertua, mereka faham dan mereka sedar. Dan kita masih lagi, kalau dibandingkan dengan Johor, Dato' Yang Dipertua, kita masih murah lagilah ya. Jadi industri pun faham dan dalam masa yang sama, Dato' Yang Dipertua, bila kita naikan, tingkatan tarif ini, haa industri pulak mencari alternatif yang lain. Mereka mintak kebenaran daripada Kerajaan Negeri untuk mereka, untuk mereka mengambil air daripada bumi. Itu pun kita *charge* dengan *bulk meter*. Dan Dato' Dipertua, kita dapat *double income*. Yang satu tadi SAINS dapat. Tapi bila ambil air daripada bumi, Dato' Dipertua, dia buat perigi kan, di apa, kilang-kilang dia buat *tube well* ke apa semua, kita boleh dapat banyak jugak jutanya, Dato' Dipertua, terus masuk ke dalam akaun Kerajaan Negeri.

Jadi ini merupakan satu perkara yang perlu kita buat, Dato' Dipertua, bukan kita nak membebaskan orang, itu sebabnya kita tidak kenakan sebarang kenaikan tarif kepada pengguna biasa tetapi cuma kepada pengguna yang berstatus industri, komersial dan jugak kerajaan, Dato'

Yang Dipertua. Jadi inshaa Allah, dengan kenaikan tarif ini, SAINS boleh beroperasi dengan baik dan SAINS jugak boleh membayar royalti dan jugak membayar air mentah yang mereka ambil. Sebab air mentah kita jual kepada SAINS. Kerajaan Negeri jugak akan mendapat pendapatan daripada air mentah daripada empangan-empangan yang diambil itu ada, nak masuk loji, air mentah itu kita ada dia punya meter besar yang kita ka, pasang di situ untuk kita jual dalam bentuk air mentah kepada Syarikat Air Negeri Sembilan. Terima kasih Dato' Dipertua.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Dato' Yang Dipertua, saya kemukakan soalan tambahan. Tadi, Yang Amat Berhormat ada menyatakan bahawa kenaikan ni, yang hanya melibatkan tak lebih dari 20 peratuslah kategori untuk industri dan perniagaan. Dan kenaikan ni diperlukan untuk menanggung kos penyelenggaraan yang tinggi khususnya daripada utiliti daripada pihak TNB. Jadi, Yang Amat Berhormat ada menyebutkan bahawa rundingan dengan TNB telah, apa, sedang dijalankan untuk kurangkan kos. Saya rasa itu sebagai, cara, salah satu cara yang efektif.

Dan satu lagi cara untuk menambahkan pendapatan bagi saya, *indirect income*, dengan izin Dato' Yang Dipertua, pendapatan tak langsung kepada SAINS adalah dengan mengurangkan NRW apa, air yang tak berhasil. Dan saya nak tanya status NRW di Negeri Sembilan selepas dimaklumkan sejak beberapa tahun yang lepas, memang kita tahun dulu lebih 50 peratus, lepas tu jatuh kepada 30 lebih peratus. Bagaimanakah, peratusan NRW pada ketika ini?

Dan juga sebab apa, pertukaran paip-paip lama yang dah berpuluh tahun adalah proses yang berterusan, saya percaya lebih banyak apa, lebih panjang paip yang, paip lama yang ter, diganti dengan paip baru dia akan menyebabkan NRW berkurangan. Peratusan dia berkurangan. Jadi, apakah target baru, sebab dulu saya, kalau tak silap saya, pernah dinyatakan target dia 35 peratus. Jadi, saya mohon apakah ada target baru untuk NRW di Negeri Sembilan? Terima kasih.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, berkenaan dengan peratusan, saya kata 20 peratus tadi bukan kenaikan tarif 20 peratus. Yang saya katakan tadi 20 peratus ini adalah akaun yang ada dalam SAINS ataupun meter-lah, kita panggil akaun. Hampir 400 ribu, Dato' Dipertua, tapi yang kita kenakan kenaikan ialah kepada golongan industri, komersial dan kerajaan yang tidak melebihi 20 peratus daripada jumlah *account holder*, ya. Bukannya kenaikan tu, jangan silap. Nanti tulis pulak, nanti tulis kata 20 peratus, nanti orang buat

calculation, ada yang apa kan, sebab kita ikut *cubic meter*. Kalau *first*, katakan 500 *cubic meter* dia 60 sen. *Second* 500 *cubic meter* dia lain ya. Jadi, 20 peratus itu adalah jumlah *account holder* yang termasuk dalam jumlah tarif yang dinaikkan. Banyaknya 80 peratus yang lain tu, Dato' Yang Dipertua, adalah *account holder* pengguna biasa yang tidak dikenakan.

Berkenaan dengan cara untuk kita menambah pendapatan, Dato' Yang Dipertua, kita memang setiap kali, kita ada setiap bulan Mesyuarat Lembaga Pengarah SAINS. Salah satu daripada agenda tetapi kita ialah melihat kita punya NRW. NRW ni Dato' Dipertua, di Negeri Sembilan, dia kadang-kadang orang silap faham. Dia kata dulu 55 peratus ataupun tinggi lagi, Dato' Dipertua, tapi dianya, kita mesti ikut daerah punya daerah.

Sebab itu kita sekarang sedang menumpukan supaya NRW ini dibuat pengkhususannya di Daerah Seremban. Sebab Daerah Seremban ini dia punya *value* dia tinggi. *Volume* dia tinggi dan *value* dia tinggi. Jadi kita perlu tumpukan di sini. Dan Daerah Seremban pencapaiannya amat baik, ya. Dah menurun dah, banyak. Tapi bila kita kumpulkan semula dengan semua daerah yang lain, sebab kita belum mula lagi di Kuala Pilah, belum mula lagi di Rembau, belum mula lagi di kawasan-kawasan seperti di Jempol. Walaupun dia punya, macam di Kuala Pilah, dia punya NRW hampir 60 peratus, Dato' Dipertua, jadi bila kita buat *consolidated* punya *figure*, maka NRW Negeri Sembilan ni tinggilah. Tapi, Daerah Kuala Pilah tu kalau dari segi jumlah *volume* dia, Dato' Dipertua, ataupun *value* dia, dia cuma *represent* tak lebih daripada 20 peratus daripada jumlah.

Jadi, kita tumpukan di Seremban kerana di Seremban ini dia punya *value* tu tinggi. Jadi, maknanya sekarang ni, di Seremban dengan pemasangan apa yang dipanggil sebagai *bulk valve* yang boleh kita gunakan untuk menentukan tekanan air, Dato' Dipertua, maka kita dapati amat banyak berlaku kekurangan paip yang pecah. Dan kita jugak telah pun berjaya menggantikan melebihi 50 peratus paip-paip lama di Daerah Seremban. Kita sedang pergi jugak ke daerah yang lain dan dalam masa yang sama kita memasang apa yang dipanggil sebagai *self regulated valve* ini Dato' Yang Dipertua.

Jadi, paip ini pecah kadang-kadang, pengurusan air, Dato' Dipertua, ialah berkenaan pengurusan tekanan. Paip ni pecah kerana berbeza-beza tekanan. Kadang-kadang bila, bila nak me-*repair* ataupun nak membaiki satu batang paip yang pecah, ditutup air, digantikan, kemudian kita lepaskan. Kalau kita lepas terus tempat lain pun boleh pecah kerana dengan *pressure* angin dia, macam-macam. Jadi kita telah

pun, SAINS telah banyak meletakkan injap-injap yang mengawal tekanan ni Dato' Dipertua, di setiap kawasan terutamanya di kawasan Jempol, Kuala Pilah. Dan, banyak lagi paip yang belum kita ganti. Kalau kita nak ganti, dia memerlukan belanja yang amat besar. Jadi, kita perlahan-lahan.

Pencapaian NRW secara keseluruhannya di Negeri Sembilan, kita dah dapat sampai hampir 35 peratus, Dato' Yang Dipertua. Tetapi, setiap satu peratus kita kurangkan Dato' Dipertua, dia bersamaan dengan hampir 1 juta. Jadi, inilah duit kita yang kehilangan, Dato' Dipertua, kalau *every one percent that we can reduce on an Non Revenue Water we can save one million*. Jadi, ini jugak seperti kata Yang Berhormat Kepayang tadi, kita mesti berusaha.

Tetapi perbelanjaan pulak untuk kita mengurangkan NRW ini amat besar. Kerana untuk mengganti paip-paip. Paip sekarang kita tak boleh pakai lagi *asbestos cement pipe*, Dato' Yang Dipertua, *AC pipe*, sebab dulu kita guna di Negeri Sembilan, semua pakai *asbestos cement pipe*, *AC pipe* ini, yang dia pakai paip, yang dalam dia benang-benang kan, saya rasa Dato' Yang Dipertua, saya yakin bahawa simen dia dah tak ada, tinggal benang lagi dah, paip tu jalan dalam tanah, kebanyakannya. Jadi, kita sekarang terpaksa menggantikan *AC pipe* ini dengan *mild steel pipe*, dengan, *mild steel pipe* bukan lembutlah, bukan dia 'kogheh' jugaklah Dato' Dipertua, ya. Tapi kita panggil *mild steel pipe* yang mana harganya amat tinggi.

Jadi, Dato' Dipertua, kita sekarang sedang melihat kita punya keutamaan ialah untuk kita pastikan bekalan air ada. Itu keutamaan kita sekarang supaya tidak terjadi masalah seperti dulu tahun 2006 kita jatuh terduduk, kita tak ada air. Sekarang kita dah buat kita punya kewangan pun kita banyak buat untuk kita pastikan supaya bekalan air itu ada dulu.

NRW akan tetap menjadi keutamaan kita tetapi kita akan buat dengan pengurusan air, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), dan diluluskan oleh SPAN, syari, Suruhanjaya Pengurusan Air Negara kerana ia memerlukan peruntukan yang besar Dato' Dipertua. Jadi, inshaa Allah, memang usaha dilakukan untuk kita pastikan NRW, dengan izin Dato' Dipertua, ini akan terus kita perkecilkan. Tetapi kita ada keutamaan yang perlu kita pastikan iaitu supaya bekalan air ada, kita dah buat dah Dato' Dipertua, macam di, di, di Tampin, di Rembau, kita dah dapat pastikan 4.5 juta gelen satu hari kita dah dapat air dari Sawah Raja. Kita masukkan ke dalam grid Rembau – Tampin, maka kebergantungan kita kepada takungan air di Empangan Gemencheh dah menurun daripada tujuh juta kepada dua juta satu hari. Itu pun Dato' Dipertua,

air di sana terus menurun. Jadi kita sedang buat, belanja sendiri Dato' Dipertua, 30 lebih juta untuk kita, sedang kita buat, lakukan sekarang untuk, untuk kita menanam paip dan jugak membuat pintu sauk dan rumah pam yang besar Dato' Dipertua, untuk mengepam air daripada Sungai Jelai untuk kita buat *back pumping*, untuk masuk ke dalam takungan di Empangan Gemencheh supaya bekalan air mentah dapat kita pastikan setiap kali, 12 juta gelen satu hari air mentah, 12 juta gelen air mentah kita naikkan tingkatnya dan kita akan gunakan nanti sebagai bekalan untuk di Tampin dan jugak di Rembau.

Dalam masa yang sama, kita telah memanggil tender Dato' Dipertua. Di bawah PAAB, bukan Kerajaan Negeri, tender digunakan, dibuat oleh Kerajaan Persekutuan iaitu untuk membina satu lagi loji baru bersebelahan loji yang sedia ada di Sawah Raja iaitu yang berkapasiti 12 juta gelen satu hari, Dato' Dipertua, kerana air di Sungai Rembau ada. Bekalan air mentah cukup untuk kita bina satu lagi loji untuk kita gunakan nanti di Daerah Port Dickson dan jugak di Daerah Rembau. Bila ini dah siap, Dato' Dipertua, dalam masa dua tahun setengah, tiga tahun, maka Rembau dan Tampin akan kita pisahkan, tapi masih lagi dalam satu grid. Tampin akan terus menggunakan loji di Gemencheh, Empangan Gemencheh. Rembau akan menggunakan loji di Sawah Raja bersama-sama dengan Port Dickson. Jadi, ini akan kita buat supaya kita tidak, inshaa Allah Dato' Yang Dipertua, bukan nak kata apa, dengan kuasa Allah taala, kita cuba pastikan supaya masalah air di Negeri Sembilan dapat kita kenal pasti dan dapat kita beri jaminan kepada orang ramai supaya tidak ada akan da lagi masalah air.

Di Seremban, Dato' Yang Dipertua, kita sedang mintak satu lagi loji yang berkapasiti yang besar kerana dengan wujudnya nanti *Malaysia Vision Valley*, Dato' Yang Dipertua, satu kawasan pembangunan yang amat besar daripada Nilai sampai Port Dickson, kita memerlukan lebih kurang 50 juta gelen air satu hari. Jikalau ini tak kita lakukan segera, kita jugak akan menghadapi masalah. Jadi, Dato' Yang Dipertua, keutamaan kita ini. Jadi, NRW pun jadi keutamaan kita tetapi kita jugak memerlukan bantuan daripada Kerajaan Persekutuan untuk kita membeli paip-paip dan jugak menggantikan paip-paip yang lama. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Dato' Yang Dipertua, saya kemukakan soalan kedua.

Y.B. ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, saya, soalan ini juga ada, jawapan ini juga adalah menjawab soalan lisan daripada Yang Berhormat ADUN Temiang yang bertajuk SWCorp/PPSPPA.

Dato' Dipertua, pada sambutan Hari Kitar Semula Tahun 2014, Yang Berhormat Menteri KPKT telah mengumumkan bahawa pengasingan sisa di punca akan dilaksanakan secara mandatori di semua negeri yang menerima pakai Akta 672 termasuk di Negeri Sembilan. Peruntukan ini adalah melaksanakan sisa di punca berdasarkan kepada Akta Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam 2007 dan di bawah Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam, skim bagi sisa pepejal isi rumah dan sisa pepejal yang serupa sisa pepejal ini rumah. Di mana sekiranya isi rumah tidak melaksanakannya boleh didenda tidak melebihi 1,000.00 ringgit.

Untuk makluman Dewan, bahawa skim ataupun sistem pengasingan sampah di punca ini, yang akan dimulakan pada 1 September yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri KPKT ini adalah tidak susah. Tiga perkara yang harus dilaksanakan oleh *household* ataupun penghuni setiap rumah, mengasingkan tiga perkara. Yang pertama, sisa toksid, maaf, sisa domestik iaitu sisa makanan dan juga sisa-sisa domestik. Yang kedua, sisa kertas, plastik dan sebagainya. Dan yang ketiga adalah sisa hasil kebun dan sebagainya. Tiga kali kutipan akan dilakukan oleh pihak syarikat konsesi seperti yang berjalan sekarang. Yakni dua kali kutipan sisa baki makanan, sisa domestik. Satu kali kutipan sisa bagi kitar semula, plastik, sampah dan juga sisa kebun.

Cumanya dalam sistem ini, dalam kaedah pengasingan sampah ini, dipinta atau diminta atau diwajibkan setiap isi rumah untuk mengasingkan. Bagi sisa kitar semula ni diletak di luar tong 120 liter yang dibekalkan kepada setiap rumah yakni MGB, tong tu, letak di tepi, untuk diambil oleh pihak-pihak syarikat kutipan bagi dilupuskan. Dan jika tidak diletakkan di situ, pihak penghuni rumah boleh hantar kepada pusat kitar semula yang kita sediakan berhampiran, tiga kali seminggu. Itu, *that is normal practice*, dengan izin, yang telah kita lakukan sebelum ini.

Cumanya, untuk makluman Dewan, Dato' Yang Dipertua, bahawa penguatkuasaan mandatori yang akan dilaksanakan pada 1 September ini adalah kerana bila kita tak *enforce* penguatkuasaan yang sedemikian rupa, maka kita akan menghadapi masalah lambakan sampah dalam jangka masa yang pantas. Bila kita lakukan, kerajaan lakukan penguatkuasaan ini, maka kita boleh *save* soal yang berkaitan dengan jangka hayat pusat pelupusan sampah dan beberapa perkara yang berkaitan dengan tahap kesihatan dan keselamatan negeri dan negara. Tetapi walau bagaimanapun, pihak Kerajaan Negeri telah buat keputusan untuk menangguhkan penguatkuasaan yang akan bermula pada 1 September. Alasan ataupun rasional Kerajaan Negeri ialah, bila kita nak menguatkuasakan sesuatu peraturan dan undang-undang,

yang pertama rakyat mesti diberikan pemahaman sewajarnya tentang penguatkuasaan dan dasar yang akan dikenakan kepada masyarakat. Ini pihak SW Corp, pihak SWM dan Pihak Berkuasa Tempatan telah memberikan beberapa taklimat. Kita buat *banner*, kita buat bunting, kita buat ceramah, kita buat taklimat kepada semua taman-taman perumahan, kepada semua kawasan tempat tumpuan ramai, kepada semua pemimpin-pemimpin masyarakat tentang penguatkuasaan yang akan kita lakukan bermula pada 1 September.

Tetapi yang, yang menjadi satu perkara yang agak besar bahawa, bila kita mintak supaya *household* ini, pemilik premis ini meletakkan sisa kitar semula di tepi tong sampah ini, ini akan mengakibatkan pandangan kepada yang lebih tidak baik. Bermakna kita akan lihat semula sampah-sampah akan digantungkan di tepi-tepi pagar rumah, di kawasan perumahan, kawasan perumahan *terrace house* ataupun kawasan-kawasan premis perniagaan kerana setakat *for the sake of to comply* undang-undang ini, maka mereka tidak ada tempat nak letak. Tong kita bagi satu sahaja. Dan tempat sampah kitar semula ni dia akan sangkut sana sangkut sini. Suasana tidak akan menjadi terkawal dan keadaan ini akan memburukkan lagi keadaan.

Kerana itu alasan supaya pihak kerajaan, pihak konsesi dapat melengkapkan lojistik ataupun infra ini terlebih dahulu sekurang-kurangnya setiap pemi, pemilik premis ataupun pemilik premis kediaman dan perniagaan dibekalkan dengan dua tong. Satu tong, untuk memenuhi keperluan kitar semula ini. Dan satu tong lagi untuk memenuhi keperluan sisa domestik ataupun sisa lebihan makanan ini.

Jadi untuk makluman Dewan yang mulia, pihak, pihak Kerajaan Negeri telah menulis untuk menangguhkan penguatkuasaan ini. Tetapi walau bagaimanapun, penguatkuasaan ini bermula pada 1 September ini bukanlah sebagai satu penguatkuasaan penalti yang dikenakan kompaun 1,000.00 ringgit. 1 September sampai 31 Mei adalah merupakan satu tempoh ataupun jangka masa di mana kerajaan akan mengeluarkan notis peringatan kepada pemilik premis untuk *educate* mereka bagi menjadikan ini sebagai satu budaya mereka. Dan bermula pada 1 Jun pada tahun 2016, maka kompaun akan dikenakan kepada mereka-mereka yang tidak mengikuti ataupun melaksanakan undang-undang yang telah ditetapkan. Terima kasih.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi dinyatakan bahawa untuk tempoh 1 September hingga 31 Mei tahun depan, tempoh dalam sembilan bulan ni sebagai tempoh, saya anggap sebagai tempoh untuk apa, memberikan pendidikan ataupun

untuk apa, ataupun untuk sesuaikan diri kepada pengguna domestik. Dan di samping itu, Yang Berhormat Exco tadi ada mengatakan bahawa satu lagi tong plastik akan dibekalkan oleh pihak SWM ataupun SW Corp ke, supaya, saya setuju dengan tadi, yang katakan plastik atau apa ke kita gantung ke ataupun kita letak di sebelah tong yang sedia ada, bukan setakat tak, apa, tak lunak dipandang, tapi jugak masalah anjing liar dan sebagainya. Saya rasa, sebab saya pun duduk di taman perumahan. Dapat membayangkan keadaan di situ.

Jadi saya nak tanya, dalam tempoh ini, apakah dalam tempoh sembilan bulan sebab saya anggap 1 September hingga 31 Mei yang akan datang, apakah tempoh ni cukup, tempoh masa yang cukup supaya semua kawasan perumahan domestik, pengguna domestik di Negeri Sembilan dibekalkan dengan tong sampah yang kedua, yang membolehkan pelaksanaannya besok dapat berjalan lancar. Sebab kalau dah laksana besok, kalau dah apa, dikeluarkan kompaun nanti ada, ada yang kata tak setuju dan sebagainya, disebabkan oleh peralatan ataupun kemudahan yang tak lengkap, nanti payah pulak. Tapi kalau semua dah berjalan lancar, apa, persediaan dah, dah lengkap, lepas tu taklimat diberikan sebagainya telah diberikan secara menyeluruh, jadi boleh dilaksanakan.

Jadi, nak tanya, selain daripada dibekalkan tong sampah kedua tersebut, apakah ada langkah-langkah tambahan. Sebab dikatakan sebelum ini walaupun ada taklimat, tapi nampak gaya pengguna sendiri masih kurang bersedia. Jadi apakah ada langkah-langkah tambahan supaya memastikan pelaksanaan ni, pelaksanaannya kelak tidak menimbulkan masalah? Terima kasih.

Y.B. ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, saya tak sebut bahawa kerajaan akan membekalkan satu lagi tong sampah bagi tujuan ini. Cumanya keputusan Kerajaan Negeri memohon untuk, membuat keputusan untuk menangguhkan tarikh penguatkuasaan ini kerana kemudahan bagi tong sampah ini tidak cukup lagi. Kita tak nak susahkan rakyat ni. Dan kita dalam masa yang sama kita tak nak kawasan ini akan menjadi keadaan yang tidak terkawal seperti Yang Berhormat sebut tadi.

Tetapi keputusan kerajaan ialah kaedah atau keputusan ini hanya boleh dilaksanakan apabila kemudahannya semua lengkap. Tong sampah diberikan satu lagi kepada premis-premis kediaman dan perniagaan bagi melaksanakan undang-undang ataupun dasar ini. Selagi tidak ada kemudahan tambahan ataupun peralatan tambahan yang perlu dibekalkan kepada *household* ataupun pemilik premis ini, maka kaedah

ini tidak boleh kita jalankan. Kerana kita tidak mahu suasana yang tidak terkawal ini, yang menggantung plastik, sampah, lampin dan sebagainya, menjadi satu budaya yang terbelakang semula setelah kita jalankan kaedah pelupusan sampah yang sangat terperinci buat masa sekarang.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bahawa majlis penerangan telah kita jalankan banyak. Kita dah buat *signage* di setiap kawasan perumahan bahawa konsep dan kaedah pengasingan sampah di punca ini, bagaimana yang nak buat, bagaimana kaedah dan juga yang harus dilakukan oleh setiap pemilik premis setiap individu, bagi sama-sama kita menjaga soal yang berkaitan dengan pelupusan sampah ini. Dan saya tidak fikir bahawa ahli masyarakat dan juga rakyat tidak faham tentang kaedah ini kerana melalui akhbar, media baru, sama ada media baru dan media cetak termasuk media-media yang menjadi pemakaian harian kepada ahli masyarakat kita dah *absorb*, melalui Facebook, melalui Twitter, memang kita *keep on blasting* setiap hari dalam kaedah pengasingan sampah ini. Dan tak cukup dengan itu, seperti yang saya katakan tadi, kita edarkan setiap orang kata apa eh, *handout*, risalah daripada rumah ke rumah, kepada setiap taman perumahan.

Saya tidak fikir rakyat tidak mengetahui tentang kaedah dan juga perkara ini. Cumanya menjadi, memang, memang, sememangnya menjadi budaya kita, apabila sesuatu penguatkuasaan, apabila sesuatu perkara baru yang nak kita lakukan dalam soal yang berkaitan amalan harian masyarakat, ini tidak menjadi *priority* dengan izin, tidak menjadi keutamaan kepada ahli masyarakat. Dan saya harapkan, kerajaan mengharapkan pada tempoh sembilan bulan ini, ki, di samping kita telah faham sebenar-benarnya kaedah pengasingan sampah di punca. Dan dalam masa yang sama, pihak Kerajaan Pusat akan membekalkan tong-tong yang kita tetapkan bagi kemudahan dan penggunaan masyarakat. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli Yang Berhormat sekalian, had masa bagi pertanyaan-pertanyaan lisan telah pun tamat. Teruskan kepada agenda mesyuarat.

Y.B. ADUN Senawang: Dato' Yang Dipertua, usul tergepar Gatco. PKNNS

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Senawang: Ya Dato', ni ada peraturan, peraturan mesyuarat
16. Dato' Yang Dipertua

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, apa dia?

Y.B. ADUN Senawang: Ni, masalah, usul tergepar Gatco itu.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, usul di luar dari ni sepatutnya diserahkan kepada Dewan. Kalau tak bawak ke dalam Dewan, Yang Berhormat mencadangkan usul dibahas. Kalau Yang Berhormat bantangkan usul dibahas, saya akan mintak ahli-ahli Yang Berhormat mengundi dulu. Benarkan atau tidak. Sebab kita sudah ada, tetapkan peraturan kita dan agenda kita. Jadi, biar saya selesaikan dulu tentang pertanyaan ini.

Y.B. ADUN Senawang: Ya Dato'.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Silakan, Setiausaha Dewan.

6.2 Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Bertulis

Setiausaha Dewan: Perkara berikutnya, pertanyaan-pertanyaan yang berkehendakkan jawapan bertulis. Dipersilakan Yang Amat ADUN Rantau.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, saya ben, bangun membentangkan jawapan-jawapan bertulis yang, bagi pertanyaan-pertanyaan yang telah pun diberitahu terlebih dahulu seperti yang dibentangkan di hadapan ahli-ahli Yang Berhormat.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jawapan-jawapan bagi Pertanyaan Bertulis adalah dibentangkan.

Y.B. ADUN Senawang: Dato' Yang Dipertua, usul tergepar, Gatco. Boleh baca?

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, cakaplah, saya nak dengar. Cadangan apa?

Y.B. ADUN Senawang: Okay, Dato', PKNNS

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, cadanglah.

Y.B. ADUN Senawang: Dato'?

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Bagi tahu sayalah, saya tak dengar lagi.

Y.B. ADUN Senawang: Okay Dato'. Usul tergepar, Gatco.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Okay.

Y.B. ADUN Senawang: Okay.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli Yang Berhormat, kita, saya mendengar bahawa kita nak bawak satu usul tergepar. Patutnya usul-usul ini diserahkan kepada Setiausaha Dewan. Kalau pihak Yang Berhormat tak serah, saya, seperti saya katakan tadi, saya tak ada masalah tentang usul ter, tergepar. Tetapi keputusan untuk mendengar saya serahkan kepada ahli-ahli mesyuarat. Jadi, saya, cadangan tu telah pun saya dengar. Ada sokongan daripada pihak tuan tak?

Y.B. ADUN Senawang: Ya, ada, ada.

[Semua 14 orang ahli Yang Berhormat dari pembangkang mengangkat tangan tanda menyokong]

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ada? Okay. Jadi saya serahkan kepada ahli mesyuarat. Dengan ini saya nak mintak pandangan daripada ahli-ahli mesyaurat, siapa yang bersetuju usul ni didengar di dalam Dewan ini sila angkat tangan [Semua 14 orang ahli Yang Berhormat dari pembangkang mengangkat tangan]. Yang tidak bersetuju, sila angkat tangan [semua 21 orang ahli Yang Berhormat dari kerajaan mengangkat tangan]. Lebih yang tidak bersetuju, maka itu usul ini tidak dapat saya benarkan dibahas dalam Dewan sekarang ini.

Y.B. ADUN Senawang: Terima kasih Dato'.

Y.B. Yang Dipertua Dewa: Teruskan.

7. **RANG UNDANG-UNDANG**

Setiausaha Dewan: Perkara ketujuh, rang undang-undang.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya dimaklumkan bahawa tiada Rang Undang-Undang untuk dibentangkan pada persidangan kali ini.

8. **PENANGGUHAN MESYUARAT**

Setiausaha Dewan: Perkara kelapan, Penangguhan Mesyuarat.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan supaya Persidangan Dewan yang diadakan pada hari ini ditangguhkan dengan ucapan banyak terima kasih kepada semua ahli Dewan dan jugak Dato' Dipertua, yang telah dapat menjalankan sidang kita untuk Penggal Kedua Penggal Ketiga, Penggal Yang Ke-13. Terima kasih.

Y.B. ADUN Jeram Padang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan untuk menangguhkan Persidangan Dewan telah pun dibuat dan mendapat sokongan. Sementara itu, saya ada menerima beberapa permohonan daripada ahli-ahli Yang Berhormat untuk membuat Ucapan Penangguhan bagi persidangan kita pada kali ini. Walau bagaimanapun, seorang permohonan iaitu Yang Berhormat daripada ADUN Bukit Kepayang terpaksa ditolak mengikut Peraturan 29(1)(a) – Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Bagi Dewan Perhimpunan Undangan Negeri Sembilan.

Oleh itu, setiap ahli Yang Berhormat dibenarkan membuat Ucapan Penangguhan selama 10 minit sahaja. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat ADUN Lukut.

Y.B. ADUN Lukut: Dato' Tuan Yang Dipertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya menyampaikan Ucapan Penangguhan pada persidangan, persidangan kali ini. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada se, kepada Tuan Yang Dipertua Dewan serta kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat.

Dato' Tuan Yang Dipertua, serta ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, terlebih dahulu saya ingin menyentuh mengenai masalah yang dihadapi oleh penduduk di kawasan perumahan Park Residences, dengan izin, Fasa 1 dan Fasa 2, Bandar Springhill, DUN Lukut. Penduduk kawasan perumahan tersebut telah membuat aduan kepada saya bahawa kawasan perumahan mereka tidak disediakan kemudahan talian, talian telefon sehingga hari ini. Selepas siasatan saya dan didapati maklumat dari Telekom Malaysia itu adalah benar. Saya mohon ahli Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan serta Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kemudahan Awam, sama-sama berganding bahu menyelesaikan masalah penduduk kawasan perumahan tersebut yang telah ditinggalkan dari segi kemudahan asas yang sangat penting di zaman yang serba maju ini.

Mereka telah dinafikan hak untuk mendapat asas sama ada talian telefon, faks dan internet disebabkan ketiadaan talian telefon. Persoalan saya ialah, kenapa kawasan perumahan tersebut tidak dilengkapi dengan kemudahan tersebut. Saya juga ingin tahu bagaimana CF telah diberi kepada pemaju kawasan itu sedangkan talian telefon yang merupakan salah satu dari kemudahan asas tidak disediakan pemaju iaitu syarikat pemaju perumahan West Synergy Sendirian Berhad. Siapakah yang perlu bertanggungjawab atas

ketiadaan kemudahan asas seperti talian telefon? Adakah pihak pemaju, TM atau Pihak Kerajaan Tempatan iaitu Majlis Perbandaran Port Dickson?

Dato' Tuan Yang Dipertua Dewan, Malaysia dijangka ingin mencapai status Negara Maju dalam masa lima tahun dari sekarang. Malangnya Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan seolah-olah ketinggalan di dalam mencapai taraf Negara Maju. Saya katakan demikian kerana masih banyak, banyak lagi kemudahan asas di Negeri Sembilan dilihat ketinggalan berbanding negeri-negeri lain seperti Negeri Melaka, Negeri Johor dan Negeri Selangor. Jika pihak berkuasa gagal me, menyediakan talian telefon di kawasan tersebut, saya mohon agar pihak kerajaan menyey, menyediakan perkhidmatan jalur lebar, WiFi, kepada penduduk Park Residences, Bandar Springhill bagi memastikan mereka tidak ketinggalan dalam perkara kemudahan asas yang sangat penting di masa sekarang.

Dato' Tuan Yang Dipertua Dewan, perkara yang kedua saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, berhubung beberapa perkara yang masih tertangguh yang dihadapi oleh penduduk Kampung Seri Parit, DUN Lukut. Yang pertama iaitu berhubung permohonan saya untuk membina sebuah pintu gerbang baru di kampung tersebut. Untuk makluman Dewan, permohonan saya telah mendapat kelulusan daripada bekas Yang Pertua, Yang Dipertua MPPD yang lalu iaitu Yang Mulia Tengku Dato' Idris bin Tengku Hadi. Tetapi malangnya permohonan bagi menggunakan dua bidang tanah yang berukuran 30 meter persegi untuk mendirikan dua tiang papan tanda tersebut telah ditolak oleh pihak Majlis Kerajaan Negeri.

Saya memohon ahli Yang Berhormat, Pengerusi Jawatan Bertindak Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan memberi kerjasama kepada saya dan dapat mempertimbangkan semula bagi meluluskan permohonan saya. Jikalau ada syarat-syarat lain yang perlu saya patuhi, untuk mendapatkan kelulusan bagi projek tersebut, saya akan cuba untuk patuhi.

Perkara kedua, berkenaan Kampung Seri Parit ialah, ketiadaan papan tanda untuk maklumat. Dato' Yang Dipertua Dewan serta ahli-ahli Yang Berhormat, Kampung Seri Parit telah diiktiraf oleh kerajaan sebagai sebuah Kampung Baru. Malangnya sehingga hari ini tiada sebarang papan tanda diletakkan di kampung tersebut sepertimana yang terdapat pada Kampung Baru yang lain. Saya memohon ahli Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Sumber Manusia, Perlindungan dan Kampung Baru memberi jawapan kepada saya bila papan tanda tersebut dapat disediakan.

Dato' Tuan Yang Dipertua Dewan, serta ahli-ahli Yang Berhormat, bagi memastikan semua rakyat di Negeri Sembilan ini dapat menikmati semua keperluan asas dan perkhidmatan tanpa memilih kaum dan fahaman politik, saya ingin menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini, menyeru semua ahli Yang Berhormat agar menjadi seorang ahli Yang Berhormat yang memberi khidmat kepada, memberi khidmat dan bukannya ahli Yang Berhormat yang hanya menerima khidmat. Semua keperluan asas penduduk Negeri Sembilan yang berbilang kaum ini mestilah dilengkapkan dengan segera tanpa melalui berbagai

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Lukut: kerenah birokrasi agar mereka tidak ketinggalan di dalam arus perdana

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Lukut: kemajuan

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Lukut: negara yang kita lihat sudah maju di

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Janganlah baca, nampak sangat, saya nampak Yang Berhormat membaca. Pandanglah saya sikit. Bila sebut "Yang Dipertua" tu, pandang saya, barulah betul.

Y.B. ADUN Lukut: Maafkan Dato', semua yang, Yang Berhormat pun ada petik *speech*.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Bila sebut "Yang Dipertua" tu pandang saya.

Y.B. ADUN Lukut: Dato' Yang Dipertua Dewan, maafkan saya, bolehkah...

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Masih cukup Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Lukut: Dua minit saja. Di dalam sistem pentadbiran dan pengurusan jabatan masing-masing jika dilihat dengan keperluan di setiap jabatan kerajaan. Saya memohon di dalam Dewan yang mulia ini agar semua pihak menung, meninggalkan sebarang kerenah birokrasi yang tidak memberi faedah kepada perpaduan kaum dan kemajuan negara dan digantikan dengan satu sistem pentadbiran dan pengurusan jabatan yang lebih telus, cekap dan berkesan. Sekian ucapan saya kali ini, terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih.

Y.B. ADUN Lukut: Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat ADUN Chennah.

Y.B. ADUN Chennah: Terima kasih Dato' Yang Dipertua kerana mengizinkan saya menyampaikan Ucapan Penangguhan pada pagi ini. Tajuk Ucapan Penangguhan saya ialah berkenaan dengan beberapa isu tanah di Negeri Sembilan.

Dato' Dipertua, isu tanah yang pertama ialah berkenaan dengan tanah di Kampung Bukit Jong, Temiang. Saya merujuk kepada jawapan yang diberikan kepada Yang Berhormat ADUN Temiang pada persidangan lepas, oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar berkenaan dengan status tanah tersebut. Jawapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar berbunyi bahawa tanah tersebut telah diberimilik kepada Menang Tiara melalui kelulusan MMK pada 24 Oktober 2001 dengan keluasan 9.833 hektar setelah ditolak rizab tokong Cina dan penggantian rizab Melayu. Premium yang dikenakan adalah sebanyak 24,583.00 ringgit. Hak milik masih belum didaftarkan kerana terdapat isu tanah rizab kuari, tanah rizab Melayu dalam kawasan tersebut. Dan Syarikat Menang Tiara Sendirian Berhad tidak boleh didaftarkan sebagai pemilik kerana syarikat ini bukan bertaraf syarikat Melayu. Ini jawapan yang diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Soalan saya ialah bahawa apakah status terkini tanah tersebut? Bahawa yang pertamanya, tanah ini memang tak sepatutnya diberikan kepada syarikat ini, *in the first place*, pada tahun 2001. Memang saya tahu ini bukan zaman Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada ketika ini, ini zaman bekas Menteri Besar. Pada ketika itu, hampir 10 hektar tanah diberikan hanya premium 24 ribu. Satu hektar 2,400.00 ringgit. Ini yang, *almost* bagi *free* kepada syarikat inilah. Saya tahu siapa di belakang syarikat-syarikat ini. Sebuah, pemimpin-pemimpin, orang-orang yang dikatakan daripada sebuah parti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat itu tidak berguna. Ini saya, saya *quote* daripada Yang Amat Berhormat

Y.A.B. ADUN Rantau: Tarik balik. Saya tak kata, cakap macam tu.

Y.B. ADUN Chennah: Saya kata satu parti. Saya tak kata siapa.

Y.A.B. ADUN Rantau: Tarik balik.

Y.B. ADUN Chennah: Itu saya tahu latar belakang mereka. Tapi saya bukan nak, nak menjatuhkan maruah merekalah. Cuma saya nak katakan, nak selesaikan isu tanah ini. Memandangkan bahawa tanah ini belum didaftarkan, yang pertamanya. Ini telah di-*confirm*, telah disahkan oleh pihak Kerajaan Negeri. Saya menyeru kepada pihak Kerajaan Negeri supaya menarik balik pemberimilikan tanah ini daripada syarikat ini. Dia belum didaftar, telah diberimilik, tetapi belum didaftarkan hakmilik itu. Saya mintak Kerajaan Negeri tarik balik pemberimilikan tanah itu kepada syarikat ini.

Dan oleh kerana tanah itu ada tanah rizab Melayu. Kalau tanah rizab Melayu itu, *portion* itu saya cadangkan berikan milik kepada penduduk-penduduk Melayu di Kampung Bukit Temiang itu. Ada ramai penduduk-penduduk Melayu di sana. Kalau tanah rizab Melayu, bagi kepada mereka, penduduk Melayu. Untuk tanah rizab kuari, yang sebahagian mana sekarang, ada ramai penduduk di sana, yang telah duduk sana berpuluh tahun, daripada kebanyakan masyarakat Cina dan masyarakat India, saya cadangkan supaya pihak Kerajaan Negeri digazet tanah rizab kuari itu sebab tak ada lagi kuari di sana. Digazet dan diberikan peluang kepada penduduk-penduduk yang telah duduk di sana berpuluh tahun untuk mereka pohon. Ada status milikan tanah di sana. Dan juga kepada Tokong Then Sze, yang merupakan satu tokong yang amat bersejarah, yang telah berkali-kali memintak,

memohon tanah daripada Kerajaan Negeri kerana atas dasar bahawa itu masih rizab kuari, tak boleh diluluskan. Jadi, saya mintak pihak Kerajaan Negeri supaya men, melihat perkara ini kerana telah berlalu, berlanjutan sudah lama, sudah 14 tahun. Jadi, memandangkan bahawa ia belum diberikan daftar kepada Syarikat Menang Tiara itu, maka saya harap ini dapat diselesaikan dalam kadar yang segera.

Dato' Yang Dipertua, perkara yang kedua juga melibatkan tanah. Ini juga berkenaan dengan se, sebidang tanah di Kampung Ulu Temiang yang telah pun kita telah berkali-kali membawa dalam Persidangan Dewan, di Ulu Temiang. Bahawa tanah ini lebih 100 ekar. 100 ekar. Telah pun diberikan kepada, telahpun dibeli oleh sebuah syarikat melalui lelongan, One Vista Sendirian Berhad. Pada ketika lelongan itu dibuat, memang tanah itu tiada sesiapa yang, yang mahu. Tidak ada mana-mana syarikat yang mahu melihat tanah itu. Kerana tanah itu adalah tanah yang ada ramai penduduk di sana, tanah di Ulu Temiang, tak ada orang tengok mana Ulu Temiang itu. Dia dapat lelong, dia beli secara lelongan, beli dengan begitu murah sekali. Hanya dalam lingkungan 2.80 sen satu kaki persegi.

Dan pemilik baru ini, One Vista Sendirian Berhad ini, sekarang ini kerana ada satu projek pembukaan persimpangan tol LEKAS di sana, dan memang perancangan kerajaan untuk pembangunan kawasan Temiang itu, dan untuk melihat bahawa itu merupakan satu kawasan pembangunan perumahan yang baru, maka tanah itu sekarang ini amat bernilai. Tetapi kita dah kata berkali-kali, memintak supaya pihak pemilik ini kalau dia nak meng, mengusir keluar penduduk-penduduk sana, supaya ada satu pakej, memberikan bantuan kepada penduduk-penduduk di sana. Dan memang kita dah berunding pemaju ini, dengan, dengan pemilik ini. Tapi apa yang dia, mereka *offer* kepada penduduk di sana, untuk mereka keluar, 3,000.00 ringgit.

Yang Amat Berhormat, tadi kata kita sekarang ini dah nak masuk zaman Negara Maju, jangan cakap pasal rumah kos rendah. Tetapi pemilik ini dia bagi bantuan 3,000.00 ringgit. Apa yang boleh dibuat oleh 3,000.00 ringgit? Tetapi pada masa yang sama, pihak pemilik ini sekarang dia nak mengaut keuntungan yang keterlaluan. Saya menyokong apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat, bahawa sepatutnya kerajaan ada dasar intervensi supaya tidak ada pihak yang mengaut keuntungan yang berketerlaluan. Dia beli tanah ini 2.80 sen satu kaki persegi. Saya ada mintak kawan-kawan pergi tanya, berapa dia nak jual. Sekarang dia nak jual, Yang Amat Berhormat, 60.00 ringgit – 70.00 ringgit satu kaki persegi. Nak dapat untung 20 kali ganda. Bukankah ini satu keuntungan keterlaluan?

Jadi, saya memihak, memintak pihak Kerajaan Negeri supaya interim dalam perkara ini. Memang ada banyak perkara yang boleh dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri. Saya mendapat makluman bahawa pihak pemilik ini sekarang dia nak pecahkan lot-lot ini dan dijual dengan lot-lot kecil, dengan harga yang amat tinggi. Jadi, saya memintak pihak Kerajaan Negeri supaya membekukan sebarang permohonan daripada pihak syarikat ini kalau dia nak pecah lot ke, nak buat permohonan untuk pembangunan ke, supaya bekukan sehingga ada satu cadangan yang, yang konstruktif dari pihak pemilik ini supaya bantuan dapat disalurkan kepada penduduk-penduduk di sana.

Sebab memang walaupun sekarang ini, pada ketika ini, pihak pemilik ini belum lagi mengusir keluar penduduk-penduduk, tetapi penduduk-penduduk tak ada jaminan. Memang dari segi kes mahkamah, pihak penduduk telah kalah di peringkat Mahkamah Rayuan, memang tak ada apa-apa jalan dari segi undang-undang. Jadi saya berharap pihak Kerajaan Negeri dapat membantu dari segi ini untuk memberikan tekanan kepada pihak pemilik ini supaya sebelum apa-apa tindakan yang diambil oleh pihak pemilik ini ke atas penduduk, penduduk-penduduk, di sana, satu pakej bantuan yang dapat dilaksanakan untuk membantu penduduk-penduduk di sana.

Perkara yang ketiga, Dato' Yang Dipertua, berkenaan dengan Kampung Baru Broga. Baru-baru ini penduduk-penduduk di Kampung Baru Broga amat bimbang bahawa mendengar khabar bahawa satu kuari batu akan dibuka di Kampung Baru Broga. Memang saya telah menyiasat di Pejabat Daerah Seremban, Pejabat Tanah Dan Daerah Seremban, dan saya, saya dimaklumkan tidak ada apa-apa permohonan kuari batu di sana. Tetapi saya rasa untuk memberikan satu kepastian kepada pihak penduduk di sana saya harap, berharap pihak Kerajaan Negeri dapat mengesahkan sama ada adakah apa-apa permohonan kuari batu di Kampung Baru Broga ini.

Memang dari segi kalau nak membangunkan ataupun membukak satu kuari batu di Kampung Baru Broga ini amat tidak sesuai. Yang pertamanya alam sekitar di Broga ini amat cantik, amat indah. Dan memang merupakan satu tempat yang menjadi tarikan kepada pelancong. Ada satu tokong Cina yang amat besar di sana. Dan juga di sekeliling ada banyak *homestay* dan sebagainya, Gunung Broga itu amat digemari oleh pendaki-pendaki gunung. Jadi saya harap pihak Kerajaan Negeri tidak meluluskan sebarang permohonan terhadap kuari batu di sana sekiranya ada. Dan kalau tidak ada, saya harap pihak Kerajaan Negeri dapat mengesahkan perkara ini, supaya dapat memberikan satu kepastian kepada penduduk-penduduk di Broga.

Perkara yang terakhir, Dato' Yang Dipertua, berkenaan dengan tanah Gatco. Tadi yang amat, Yang Berhormat Senawang cuba membawa usul tergepar berkenaan dengan isu ini. Memang isu tanah Gatco ini kita tahu sejarahnya, telah berpuluh tahun ada pertikaian penjualan tanah ini daripada Gatco kepada syarikat, pemilik baru sekarang ini yang bernama Thamarai Holdings Berhad. Memang perkara ini telah dibawa ke peringkat mahkamah. Dan Mahkamah Persekutuan akan memberikan keputusan, kalau tak silap saya pada 18 haribulan Ogos, iaitu pada minggu depan. Jadi, saya sebelum keputusan mahkamah ini dibuat, kita berharap pihak Kerajaan Negeri, supaya menangguhkan sebarang keputusan terlebih dahulu. Memang saya tahu bahawa pihak Kerajaan Negeri ada berunding dengan syarikat baru ini.

Dan memang kita telah merujuk kepada jawapan yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri, pada persidangan lepas, bahawa Kerajaan Negeri telah berunding dengan pemilik yang sah sekarang, iaitu Thamarai Holdings. Dan pihak syarikat ini bersetuju menyerahkan secara percuma seluas 1,206 ekar bagi tujuan diberikan kepada peneroka asal – empat ekar seorang dan pembeli – dua ekar seorang. Kepada penduduk, kepada peneroka dan juga pembeli di sana. Tetapi memang ada pertikaian dari segi jumlah ataupun jumlah keluasan yang diberikan kerana pada ketika peneroka-peneroka ini meneroka tanah tersebut di bawah Gatco, mereka dijanjikan lapan ekar pada ketika itu. Memang ada pertikaian.

Saya memang, saya memang tidak mempertikaikan bahawa ada usaha daripada pihak Kerajaan Negeri untuk berunding dengan pihak syarikat, pemilik pada ketika ini. Cuma, kerana kes ini masih didengar, dan belum diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan, saya berharap pihak Kerajaan Negeri boleh menangguhkan memberikan sedikit ruang dan masa yang lebih kepada penduduk-penduduk di sana supaya mereka tidak apa ni, tidak di, di, ditinggalkan ataupun dipinggirkan dari segi perundingan berkenaan dengan jumlah keluasan tanah yang diberikan kepada pengusaha ataupun peneroka-peneroka di sana. Jadi, seminggu lagi pihak Mahkamah Persekutuan akan membuat keputusan, dan saya berharap pihak Kerajaan Negeri akan menunggu sehingga keputusan mahkamah itu dimuktamadkan sebelum apa-apa keputusan muktamad dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri bersama-sama dengan syarikat baru ini iaitu Thamarai Holdings dengan penduduk-penduduk di sana.

Jadi, saya berharap pihak Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Kerajaan Negeri dapat memberikan satu kepastian kepada penduduk-penduduk di sana supaya mereka tahu bahawa nasib mereka masih dapat dibela dan mereka juga dapat memperjuangkan tanah itu, yang

telah pun berlanjutan lama, selama 30 tahun lebih belum lagi diselesaikan. Itu saja, terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri Gemencheh.

Y.B. ADUN Gemencheh: Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua. Assalamualaikum w.b.t., salam sejahtera. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin. Alhamdulillah, masyarakat dapat merayakan Aidilfitri dengan selesa dan meriah walaupun dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak SAINS, di mana di musim Aidilfitri ini dapat memastikan keperluan air dijaga dengan baik di masa waktu puncak iaitu sehari dan, sehari dan sebelum, dan selepas 1 Syawal, gangguan yang agak minima. Dan yang lebih baik daripada tahun-tahun lepas. Alhamdulillah, saya pun dapat beraya dengan senang hati pada tahun ini. Dan jugak, penggunaan tangki-tangki statik yang, untuk kawasan-kawasan tinggi dan jugak kawasan-kawasan yang selalu terganggu bekalan air ini, dapat diadakan oleh pihak SAINS. Ianya amat berkesan bagi memastikan bekalan air dijaga dengan baik. Walau bagaimanapun, saya berharap pihak SAINS terus berusaha untuk memastikan bekalan air ini sentiasa dinaik taraf dan dijaga dengan baik bagi memastikan kesejahteraan rakyat dijaga dengan baik.

Yang keduanya, saya ingin membawa satu cadangan iaitu dasar baru yang telah diumumkan oleh Kerajaan Negeri yang melibatkan tanah terbiar dalam usaha menjamin kestabilan ekologi alam oleh Yang Amat Berhormat dan Kerajaan Negeri. Tanah-tanah terbiar jenis paya ataupun bekas-bekas sawah tidak digalakkan dengan tanaman kelapa sawit. Bagi saya, langkah ini langkah yang amat baik sekali. Namun, saya berharap Kerajaan Negeri perlu memikirkan galakan-galakan ataupun insentif-insentif baru diwujudkan untuk, bagi membantu pemilik-pemilik tanah tersebut.

Dan yang paling mustahak sekali, saya mengharapkan rizab-rizab tanah kerajaan yang dikenal pasti sebagai paya ataupun kawasan-kawasan tadahan dan takungan ataupun kawasan *detention pond*, haruslah dijaga dengan baik dan kita bekukan segala per, po, permohonan untuk mendapatkan tanah-tanah tersebut untuk mengelakkan banjir dan jugak sebagai simpanan air pada masa-masa akan datang. Begitu jugak

dengan kawasan-kawasan tadahan air, kita perlu mempertahankannya bagi menjamin sumber-sumber air pada masa-masa hadapan dapat dijaga dengan baik seterusnya mengelakkan krisis air pada masa-masa akan datang.

Di dalam Dewan yang mulia ini, sekali lagi saya mencadangkan dan meminta jasa baik Kerajaan Negeri dan jugak Yang Amat Berhormat Rantau untuk menaikkan peruntukan P56 ADUN-ADUN di Negeri Sembilan bagi memastikan kita dapat menjaga kesejahteraan masyarakat ataupun rakyat dengan ba, dengan baik. Kita maklum bahawa kitalah orang-orang yang akan dicari ataupun tempat-tempat untuk masyarakat mengadu nasib mereka kepada Wakil-Wakil Rakyat yang, yang untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi, dihadapi oleh masyarakat. Tak kiralah dari segi pendidikan, dari segi kesihatan ataupun dari segi kebajikan. Justeru itu sudah sampai masanyalah, bagi saya dan rakan-rakan yang lain untuk kita meminta sedikit kenaikan untuk peruntukan ini bagi membantu masyarakat di bawah.

Seterusnya dalam jawapan lisan daripada Yang Amat Berhormat Rantau, daripada soalan yang ba, Yang Berhormat Juasseh, mengenai untuk mengagihkan lot-lot tanah mungkin lebih berkeluasan 5,000 ataupun 6,000 kaki persegi kepada penduduk-penduduk ataupun generasi kedua di kawasan luar bandar dan jugak kampung amat saya hargai. Cadangan ini amat baik dan sampai, sudah sampai masanyalah kita memastikan generasi kedua diberi sedikit tanah untuk mendirikan rumah-rumah mereka. Dan ini satu langkah yang amat kami puji, kami puji. Dan semoga ia dapat dipercepatkan untuk mengatasi krisis perumahan untuk generasi orang muda ini.

Itu saja yang saya nak sampaikan, Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat ADUN, Paroi.

Y.B. ADUN Paroi: Terima kasih, Yang Dipertua, saya menarik diri Yang Dipertua. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat ADUN Seri Menanti.

Y.B. ADUN Seri Menanti: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Bismillahirrahmannirahim. Assalamualaikum w.b.t. Yang Amat Berhormat Dato' Yang Dipertua, rakan-rakan ahli Dewan. Pertamanya saya mengucapkan Selamat Hari Raya, maaf zahir dan batin. Yang dihormati Yang Amat Berhormat ADUN Rantau selaku Menteri Besar Negeri Sembilan serta rakan-rakan Yang Berhormat daripada pihak kerajaan dan jugak pihak pembangkang. Terima kasih kepada Dato', Dato' *Speaker* yang memberikan laluan kepada saya untuk memberikan ucapan dalam persidangan dewan kali ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, alhamdulillah, Negeri Sembilan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat dari Dewan Undangan Negeri kawasan Rantau, selaku Menteri Besar Negeri Sembilan telah, tidak pernah alpa dari setiap usaha drastik yang dibuat demi membawa Negeri Sembilan sebagai negeri yang membangun dan dekat di hati rakyat. Pembangunan meliputi juga infrastruktur yang lancar serta kemudahan berkesan bagi membantu rakyat mencapai kehidupan yang lebih baik dari segi, dari masa ke semasa.

Dalam konteks ini kita amat berbangga dan berpuas hati dengan kepesatan pembangunan yang telah berlangsung di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat dari Dewan Undangan Negeri, negeri kawasan Rantau.

Buat, berkat kerjasama yang erat Kerajaan antara Negeri, agensi-agensi kerajaan, dan pihak swasta, serta sokongan padu dari pihak Kerajaan Persekutuan, kita telah berjaya membangunkan Negeri Sembilan, membangunkan negeri yang kini telah meniti dari mulut ke mulut sebagai negeri yang begitu strategik terutama di bidang pelaburan dan industri. Cuma yang menafikan tadi yang saya nampak adalah Yang Berhormat daripada Lukut. Saya pun tak tahulah, dia ada baca ke atau tak baca. Ini ditambah pula dengan pemikiran yang mendepani masa depan, mempersiapkan kawasan-kawasan yang berpotensi dengan infrastruktur yang kondusif serta penyampaian yang cekap dan amat, dan mesra pelabur. Ini dibuktikan apabila Kerajaan Negeri Sembilan berjaya menampilkan sektor perindustrian kekal kukuh sebagai penyumbang utama kepada pembangunan ekonomi negeri. Dengan jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun lepas iaitu 3.094 bilion.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam menyediakan kemudahan asas kepada rakyat di negeri ini, sememangnya menjadi fokus utama Kerajaan Negeri. Limpahan nikmat pembangunan ini perlu dinikmati oleh rakyat keseluruhan terutama dari segi aspek penyediaan tempat tinggal. Tidak dinafikan pembangunan pesat di Negeri Sembilan telah menyebabkan harga rumah di negeri telah melambung tinggi

sehinggakan bagi sebuah banglo di kawasan Seremban 2, telah mencecah hampir 3 juta, atau dua hingga ke tiga juta. Dan rumah teres 400 ribu ke atas.

Sebagai kerajaan yang prihatin dengan permasalahan rakyat dan sentiasa berusaha mencari jalan terbaik bagi penyelesaian masalah, saya amat menyokong usaha Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk Kerajaan Negeri Sembilan melaksanakan dasar perumahan baru di Negeri Sembilan. Tindakan yang berani yang sedang diusahakan oleh kepimpinan negeri amat menjurus kepada keperluan rakyat itu sendiri yang kini berdepan dengan kos yang melambung tinggi untuk mende, mendapatkan tempat tinggal terutamanya membeli rumah di kawasan bandar. Saya nak bagi pantun ya, kepada rakan tadi, yang bertanya tentang bila dasar, dasar perumahan dilaksanakan. Taman bunga di tepi jalan, semua pokok disiram selalu, Dasar Perumahan Negeri Sembilan telah berkuatkuasa Jun lalu.

Dasar perumahan yang kita lihat mencakupi semua, semua asas, asas, semua asas iaitu kemudahan as, kemudahan daripada segi asas, perumahan, makanan dan juga tempat tinggal. Dan begitu jugak dengan nasib yang, nasib ataupun golongan yang berpendapatan rendah ya, yang tadi disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan panjang lebar dasar baru perumahan Negeri Sembilan.

Yang, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam usaha Kerajaan Negeri dan jugak Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan lagi, meningkat lagi pertumbuhan pembangunan di Negeri Sembilan, maka diperkenalkan *Malaysia Vision Valley* ataupun MVV. Seperti mana kita semua sedia maklum bahawa demi mencapai matlamat Negara Maju menjelang tahun 2020, Kerajaan Negeri Sembilan mencari ruang untuk mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi dan mencipta peluang pekerjaan bagi memastikan rakyat negeri ini hidup dalam suasana yang selamat, harmoni dan sejahtera. Dengan hasrat murni ini, maka tercetuslah idea untuk mewujudkan kawasan pembangunan yang kini dikenali sebagai *Malaysia Valley*.

Malaysian, Malaysia Vision Valley ini meliputi kawasan *Greater Kuala Lumpur, Greater Kuala Lumpur* yang merupakan zon pembangunan mampan dan pesat serta merupakan simbol kepada kemajuan serta kepesatan pembangunan Malaysia. Walau bagaimana tu pun, walau bagaimanapun, kawasan *Greater Kuala Lumpur* ini sedia ada telah padat, dan perlu diperluaskan untuk memastikan pertumbuhan lebih terancang dan lestari. Cadangan perluasan kawasan *Greater Kuala Lumpur* akan diwujudkan di bahagian Selatan Kuala Lumpur yang terletak, di bahagian barat Negeri Sembilan yang meliputi Nilai,

Seremban dan Port Dickson. Kawasan cadangan yang dicadangkan seluas 108,000 hektar ini dikenali sebagai *Malaysian, Malaysia Vision Valley*, atau nama singkatnya MVV.

Dato' Yang Dipertua, kita mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita kerana telah melihat, ini adalah satu peluang kepada rakyat di Negeri Sembilan ini yang memberikan peluang pekerjaan kepada 1.9 juta ya, pekerjaan baru kepada rakyat di Negeri Sembilan. Men, dan unjuran penduduk yang akan bertambah sebanyak 2.07 juta menjelang tahun 2045. MVV dianggarkan menyumbang kepada pertumbuhan KDNK Negara serta mempercepatkan proses ke arah mencapai status Negara Maju. MVV akan dimulakan dalam Rancangan Malaysia Ke-19, Yang Ke-11 dengan anggaran pelaburan yang dikatakan sebanyak 61.43 bilion yang meliputi 80 peratus adalah daripada pelaburan pihak swasta.

Bagi memastikan kejayaan, bagi memastikan kawasan pertumbuhan menarik, serta menadi, menjadi kawasan tumpuan pelabur, kerajaan menimbangkan menyediakan isentif khas, insentif khas serta galakan cukai khusus di kal, di kawasan cadangan zon. Ini adalah satu inisiatif yang perlu kita beri pujian ya, kepada Kerajaan Negeri yang menjadi fasilitator kepada pembangunan di MVV ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, walaupun pembangunan fizikal industri dan ekonomi menjadi fokus utama, namun ke, peringkat kepimpinan negeri tidak sama sekali melupakan aspek modal insan bagi memastikan kesinambungan kesejahteraan kepimpinan masa hadapan. Ini sebenarnya peringkat terpenting dalam perangkaan kemajuan negeri kita. Pelbagai perangkaan dan pelan pendidikan di bawah kuasa Kerajaan Negeri telah digerakkan dengan terperinci dan lancar. Ini terbukti dengan pencapaian cemerlang pelajar-pelajar kita hingga memungkinkan Negeri Sembilan mutakhir ini sentiasa berada di kelompok kelima teratas antara negeri terbaik dalam semua periksa, peperiksaan sama ada UPSR, PT3, SPM dan jugak STPM dan sebagainya.

Sudah tentulah kejayaan ini menggambarkan betapa kerjasama yang erat dan kukuh telah terjalin antara kerajaan, guru, ibu bapa khususnya, serta masyarakat keseluruhan amnya. Kita akan teruskan kesinambungan kejayaan ini dengan menawarkan lebih banyak kemudahan, kerjasama dan bantuan di semua peringkat untuk semua melonjak graf akademi negeri seperti yang terbukti dalam Gred Purata Negeri (GPN) dan Gred Purata Sekolah ataupun GPS.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Seri Menanti: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Sekejap lagi Dato' Yang Dipertua. Di atas segala kejayaan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri dan melihat hasilnya yang telah dinikmati oleh semua pada masa ini, saya amat berharap tidak ada pihak yang cuba memutarbelitkan keadaan kebelakang ini, kebelakangan dan memperlekehkan segala usaha yang giat dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Kita adalah wakil-wakil yang dipilih oleh rakyat untuk memperjuangkan nasib mereka. Kita sedang bercakap dan mewakili kesejahteraan rakyat bukan sahaja untuk hari ini, tetapi sebagai akal, akar tunjang untuk memastikan negeri malahan negara kita khasnya berada di landasan yang betul untuk tahun-tahun ke hadapan.

Dato' Yang Dipertua, saya, izinkan saya yang akhir sekali Dato' Yang Dipertua, pantun yang diberikan kepada saya untuk dibacakan. Sekolah agama di tepi jalan, belakang sekolah ada perigi, takrif air Negeri Sembilan tidak dikaji semenjak 2002 lagi. Ais krim kon mudah cair, ada banyak berbagai perisa, dengan peningkatan tarif air, me, tidak membebankan pengguna biasa. Ini yang disebut oleh Yang Amat Berhormat ya, Menteri Besar tadi Dato' Dipertua. Duduk di rumah terasa sepi, tiada isteri, tiada isteri duduk di sisi, perancangan Kerajaan Negeri sudah rapi, dengar ya, Kerajaan Negeri, rancangan Kerajaan Negeri sudah rapi supaya masalah air dapat diatasi. Ubat denggi air pucuk betik, ini pantunlah, salah, salah satu pemberi harapan, penguatkuasaan pengasingan sampah domestik, ni untuk Dato' Jalal ni, ditangguhkan hingga Mei tahun depan. Ini makluman pembangkang ya, ini telah ditangguhkan. Sekian, Dato' Dipertua, sekian, terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih. Terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat Ucapan Penangguhan. Sekarang saya persilakan pihak kerajaan jika ingin menjawab.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dipertua kerana kita telah pun sampai ke saat akhir sidang dewan kita yang kedua Penggal Ketiga, Yang Ke-13. Terima kasih kepada rakan-rakan ahli Yang Berhormat semua, Ahli Dewan Undangan Negeri yang telah mengambil bahagian. Dan saya amat menghargai sumbangan, pandangan-pandangan daripada semua pihak khususnya untuk kita pastikan satu matlamat kita iaitu untuk kita menjadikan Negeri Sembilan sebagai negeri yang sejahtera. Ini adalah merupakan dasar

Kerajaan Negeri Sembilan supaya walaupun kita ghairah untuk membangunkan negeri, pembangunan mesti dibuat Dato' Dipertua, tanpa pembangunan kita tak akan dapat buat apa-apa. Tanpa pembangunan, kita tidak akan dapat hasil ataupun tambahan hasil kepada Kerajaan Negeri.

Kita tak pernah, tak naikkan cukai tanah, Dato' Dipertua, walaupun tahun ini merupakan tahun pusingan ke-10. Dia, setiap 10 tahun tu, dalam Kanun Tanah Negara, Dato' Dipertua, Kerajaan Negeri dibolehkan untuk mengkaji, menaik ataupun melihat semula cukai tanah setiap 10 tahun sekali. Dan pusingan ini, tahun ini adalah masa pusingan yang membolehkan kita, *window* kita dengan izin, untuk kita mengkaji semula sama ada kita nak naikkan cukai ataupun tidak.

Alhamdulillah Yang Dipertua, Dato' Yang Dipertua, dalam Mesyuarat Exco baru-baru ini, kita mengambil maklum bahawa kita melihat bahawa perlu ada kajian dan kita mengikut Kanun Tanah Negara, tetapi kita jugak dalam Mesyuarat Exco yang pada ketika itu telah pun mengambil keputusan untuk ketika ini, kita tidak ada keperluan ataupun tidak akan menaikkan cukai tanah di Negeri Sembilan, Dato' Yang Dipertua. Haa itu keputusan kita, Dato' Dipertua.

Jadi, alhamdulillah, kita nak bangunkan negeri, Dato' Dipertua, kita memerlukan berbagai-bagai perbelanjaan. Bukan saja nak bangunkan, tapi untuk menyelenggara. Kos penyelenggaraan tinggi, kita memerlukan kos yang tinggi untuk kita selenggara kita punya Negeri Sembilan. Jadi, inilah dia hasil yang kita pungut daripada pembangunan-pembangunan yang kita rancang. Dan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Samad daripada Seri Menanti, kita akan melancarkan secara rasminya satu kawasan pembangunan yang amat besar, Dato' Yang Dipertua, yang besar iaitu apa yang dipanggil sebagai *Malaysia Vison Valley*. Kawasan yang melingkit, melingkupi daripada Nilai sampai ke Port Dickson. Kita jugak akan beri nafas baru kepada Port Dickson, Dato' Dipertua, untuk kita hidupan semula kawasan Port Dickson sebagai kawasan pelancongan negara, kawasan pantai negara.

Itulah sebabnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun telah pun mendahului kita dengan mengatakan bahawa Kerajaan Pusat telah pun meluluskan suatu jalan raya, *highway* baru daripada KL, KLCC, KLCT ataupun KLIA 2, Dato' Dipertua, mintak maaf, KLIA 2 untuk kita terus bawak *highway* itu merentasi sampai ke Port Dickson. Dan boleh jadi kita akan bawak jugak perkhidmatan keretapi ERL daripada *highway*, daripada KLIA sampai ke Port Dickson. Berbagai-bagai perancangan

sedang kita buat untuk kita pastikan Negeri Sembilan terus memacu pembangunan yang mampan.

Tapi dalam masa yang sama, kita jugak tidak mahu pembangunan tidak dikawal. Pembangunan tidak dilihat secara holistik. Itu sebabnya salah satu mengapa kita buat rancangan *blue print master* pelan, pelan yang besar ini, Dato' Yang Dipertua, yang kita panggil *Malaysia Vision Valley* ialah untuk kita pastikan pembangunan di sana dapat kita kawal dan dapat kita urus dengan baik. Kalau pun kita tak buat *Malaysia Vision Valley*, Dato' Yang Dipertua, kawasan tersebut akan membangun. Tuan-tuan punya tanah akan bangunkan kawasan mereka. Adalah lebih baik kita buatkan dia di dalam satu kedudukan yang bersepadu satu, kawasan baru supaya kita boleh menetapkan, kerajaan boleh menetapkan di mana jalan raya dia, di mana patut kita adakan pengangkutan awam.

Yang untuk pengetahuan Dato' Yang Dipertua, di dalam *Malaysia Vision Valley* ini nanti ada lima klaster. Klaster pengajian, klaster *education* dan jugak klaster sukannya, klaster perkilangannya, klaster untuk kediaman dan macam-macam, pusat bandar dan lain-lain Dato Dipertua. Dan seperti yang telah pun saya umumkan, salah satu daripada kandungannya ialah dalam pembangunan ini nanti akan ada satu kawasan tanah lapang yang besar seperti mana negara lain, kalau London dia ada *Hyde Park* dia, kalau di Paris ada *Central Park* dia, di New York dia punya *Central Park*. Di sini nanti kita akan ada jugak kita punya kawasan tanah lapang, *Central Park* kita, iaitu seluas 1,000 ekar. Ini satu daya tarikan nanti, Dato' Yang Dipertua, akan menarik orang datang, salah satu kita punya *niche* untuk membawak orang datang ke mari dengan kita ada *Central Park* kita sendiri. Di mana akan ada tempat orang akan untuk berjalan kaki, berbasikal dan lain-lain.

Dan kita akan jugak letakkan syarat-syarat seperti syarat pengangkutan awam. Kita pun telah pun memikirkan sama ada di kawasan ini perlu ada perkhidmatan trem. Kita perlu jugak rizabkan kawasan ini nanti, Dato' Dipertua, kawasan MRT-nya kerana boleh jadi 20 tahun daripada sekarang, kawasan ini akan mempunyai penduduk satu juta orang. Seremban sekarang pun dah ada lebih kurang 400 lebih ribu orang. Dengan pem, pembukaan kawasan ini nanti, Dato' Yang Dipertua, saya yakin kawasan ini akan terbuka dengan luas dan kita memerlukan satu sistem pengangkutan awam yang *integrated*, Dato' Dipertua. Jadi, ini kita buat. Dan kita pastikan supaya seperti saya sebutkan tadi, kita ada rumah mampu milik, kita ada kita punya syarat nak bangunkan rumah, kawasan rumah 100 ekar mesti ada dia punya sistem pengangkutan awam dalaman dan macam-macam. Ini yang kita buat, Dato' Dipertua, demi untuk kita pastikan kesejahteraan

dan jugak keharmonian hidup di Negeri Sembilan nanti. Kita tidak mahu mengulangi kesilapan-kesilapan yang pernah berlaku semasa kita membina kawasan-kawasan baru seperti bandar raya – bandar raya yang lain yang ada di negara kita, dan jugak di kawasan lain.

Jadi, Dato' Yang Dipertua, soalan-soalan yang dikemukakan tadi oleh rakan-rakan merupakan soalan-soalan yang saya yakin macam di Spring Hill tak ada telefon, mengapa CF dibagi. Ia, CF ni tak ada kena mengena dengan telefon Dato' Yang Dipertua. Jadi, jangan silap faham ya. So, kalau tak ada telefon pun CF boleh, boleh dibagi sebab telefon ini bukan salah satu syarat pengeluaran CF. Dan jugak telefon sekarang ni, Dato' Dipertua, dia bukan lagi di bawah kerajaan. Dia di bawah TM, dan di bawah syarikat-syarikat yang lain. Walau bagaimanapun, kita akan mintak supaya telcos-telcos ini untuk melihat.

Ini pun dah menjadi sebagai kita punya tajuk perbincangan dalam Mesyuarat Tindakan Negeri, Dato' Yang Dipertua. Supaya kawasan-kawasan yang baru didirikan ataupun kawasan-kawasan perumahan mestilah diberikan perkhidmatan-perkhidmatan seperti internet dan yang lain-lain. Dan tak terkecualilah kawasan seperti di Springhill, ini akan terus diberikan perhatian supaya kemudahan asas seperti ini perlu diadakan oleh pihak-pihak yang telah pun diberikan lesen-lesen oleh kerajaan untuk memberikan perkhidmatan masing-masing. Macam telcos ini, dia macam-macam, bukannya TM saja, Dato' Dipertua, Maxis-nya ada, semuanya ada. Jadi, kita nak pastikanlah. Dan itulah sebabnya salah satu daripada perkara yang kita bincangkan Dato' Yang Dipertua, ialah, dalam kita nak melihat Dasar Perumahan Negeri Sembilan yang baru nanti, kita jugak mahu melihat supaya rumah-rumah ini disiapkan segala kemudahan ini supaya orang masuk dia *just* terus *plug-in* saja Dato' Yang Dipertua, semua kemudahan dah ada. Tapi ini dulu kawasan perumahan lama.

Pintu gerbang Kampung Parit ni Dato' Dipertua, saya pun tak tahu apa sebabnya. Tapi takkanlah tak ada pintu gerbang ni tak boleh hidup orang Kampung Parit. Saya nak pergi ke Rantau pun, kawasan Menteri Besar pun tak ada pintu gerbang. Jadi janganlah jadikan pintu gerbang ini sebagai satu isu yang besar. Dah cukuplah ada papan tanda. Dekat Rantau pun tak ada papan tanda Dato' Dipertua, kalau lalu karang tak ada papan tanda. Yang pentingnya kita hidup dalam keadaan damai. Kalau nak pintu gerbang semua nanti, semua kampung nak pintu gerbang. Apa bezanya Kampung Parit dengan Kampung Ulu Lalang? Apa bezanya Kampung Parit dengan kampung-kampung yang lain. Jadi semua nak pintu gerbang nanti susah, kan. Janganlah Wakil Rakyat cuma lihat pada pintu gerbang saja. Banyak benda yang nak difikirkan.

Nanti, nanti pulak kita terpaksa panggil “wakil rakyat pintu gerbang” pun susah jugak, ya.

Tentang tanah tadi, DUN Chuah kata, macam kalau di Bukit Jong tu, memang kita boleh lihat semula. Kita akan lihat. Itu sebabnya kita tak buat apa-apa. Kerana geran pun belum dikeluarkan, Dato’ Dipertua. Dan sebahagian daripada tanah tersebut merupakan tanah-tanah yang telah dirizabkan seperti tanah rizab Melayu dan jugak kuari. Dan kita mem, memang mempunyai, memang mempunyai apa orang kata, hasrat, Dato’ Dipertua, untuk melihat supaya masalah di situ dapat kita selesaikan. Tetapi kita nak lihat macam mana kita nak berunding dulu dengan syarikat tersebut kerana, betul Kanun Tanah Negara menyatakan bahawa seseorang ataupun mana-mana pihak belum lagi diiktiraf sebagai tuan punya tanah selagi geran tidak atas nama dia. Itu Kanun Tanah Negara. Tetapi dalam pada itu kita jugak mahu melihat supaya perkara dirundingkan ini dijadikan satu perkara yang baik, Dato’ Dipertua, sama ada kita kena pulangkan duit dia, macam-macam kita. Ini dalam kita punya pengawasan dan jugak pemerhatian.

Tanah di Ulu Temiang, Dato’ Dipertua, tak boleh kita nak buat apa-apa. Cumanya besok, kalau dia nak pecah-pecah sempadan bolehlah kita letakkan sedikit kita punya *weight* ataupun kita punya syarat-syarat di situ. Tapi tanah ini dah gerannya geran di atas nama mereka, Dato’ Dipertua. Mereka berjaya menangkap ataupun mereka berjaya dalam proses pelelongan, menangkap lelongan tersebut. Dan tanah pun dah atas nama dia. Dan tanah tersebut pun telah pun diluluskan Kebenaran Merancang dia.

Tadi, Dato’ Dipertua, kita dengar bahawa mereka beli 2.60 sen, nak jual 60.00 ringgit ataupun 70.00 ringgit. Itu, di luar pengawasan kita kerana tanah, tanah mereka. Serupa jugaklah kan, di kawasan-kawasan lain. Mereka dulu beli murah, tapi jual mereka dapat menjadi sebagai jutawan. Tapi jika terdapat, wujudnya perkara-perkara yang boleh Kerajaan Negeri masuk campur, kita akan pastikan bahawa kita akan letakkan syarat-syarat yang membolehkan pampasan-pampasan yang dibagi kepada orang yang telah tinggal lama di situ, Dato’ Dipertua, diberikan keutamaan.

Kita tak dapat nak janji apa-apa, Dato’ Dipertua, kerana tanah bukan tanah kerajaan lagi. Tapi jika mereka datang, kalau dengar khabar dia kata nak jual lot-lot. Maka kita akan dapat letakkan beberapa syarat-syarat yang tertentu sebelum kita membenarkan perpindahan milik dapat dilakukan di sana.

Di kawasan Kampung Broga, Dato' Dipertua, saya pun tak dengar khabar pulak nak bukak kuari. Tapi memang kita dah lihat supaya dasar, kita nak lihat semua kuari di, di Negeri Sembilan, Dato' Dipertua. kita nak lihat supaya kuari-kuari yang dulunya jauh daripada kawasan penempatan, tapi sekarang penempatan makin lama dah makin hampir dengan, dengan kawasan-kawasan ini. Haa itu sebabnya kita telah pun mintak supaya jawatankuasa ditubuhkan melihat supaya kita melihat dasar kuari dalam Negeri Sembilan. Yang mana boleh, yang mana dah tak boleh, yang mana boleh terus beroperasi, yang mana mereka terpaksa, ada kuari yang terpaksa kita bagi notis tiga empat tahun supaya mereka dapat mengurangkan mereka punya proses dan akhirnya kita mahu mereka menutup kuari-kuari yang ada, kerana dah tak sesuai lagi. Jadi ini dalam pengawasan kita, dan kita akan lihat setiap kuari yang ada.

Tapi, perlu diingat di sini, Dato' Dipertua, bahawa salah satu daripada penjana pendapatan Kerajaan Negeri adalah daripada hasil kuari ini. Banyak kita dapat, berjuta-juta kita dapat hasil daripada pendapatan royalti yang dibayar oleh operator-operator ataupun pengusaha-pengusaha kuari ini. Dalam pada kita nak melihat, kita nak memelihara alam sekitar dan lain-lain, kita jugak mahu melihat supaya negeri kita tidak terjejas pendapatan.

Tetapi inshaa Allah, Dato' Yang Dipertua, kita akan kaji semula kedudukan semua kuari di Negeri Sembilan secara holistik. Kita tak pandang satu dua. Sama ada boleh ataupun tidak. Sama ada kita tukar tempat ataupun tidak. Haa ini kita buat. Dan kita akan dapat satu gambaran keadaan di Negeri Sembilan yang mana kita mengambil kira kesejahteraan awam, kita mengambil kira apa orang kata, kesihatan dan lain-lain tanpa pulak kita mengorbankan banyak kita punya pendapatan. Jadi, ini yang sedang kita kaji dan akan kita buat.

Gatco saya dah terang banyak kali Dato' Dipertua. Saya tak mahu bercakap pasal di sini akan dikira sebagai subjudis kepada proses mahkamah yang sedang didengar. Tapi saya dah cakap banyak kali. Gatco ni, kita jangan lagi fikir pasal Gatco, Dato' Yang Dipertua. Gatco dah tak wujud lagi. Gatco dah lama habis dah. Gatco dah bankrap. Gatco ni, *the Great Alonioners Trading Company* yang ditubuhkan oleh Union, haa itu pun, *National Union Plantation Workers*, Dato' yang Dipertua. Mereka menjanjikan orang lapan ekar, tanah lot, dia nak buat macam FELDA. Tanah lot, rumah satu, lepas tu tanah ladang lapan ekar. Tetapi mereka tak berjaya. Mereka *charge* tanah ini, dan tidak dibuat langsung *sub-division*, tak dibuat langsung hak milik – hak milik individu tak buat. Geran besar tersebut telah pun digadaikan kepada United Asian Bank, lama dulu, berpuluh tahun, 40 lebih tahun dulu,

Dato' Dipertua. Dan orang yang duduk di situ, sebagai orang yang tidak mempunyai apa-apa hak ke atas tanah ladang. Tapi tanah yang dia duduk, tanah rumah tu memang dah atas nama mereka.

Jadi, bersyukurlah kita, Dato' Dipertua, saya mintak supaya ahli-ahli Yang Berhormat daripada baik pembangkang, kita mesti bersama-sama, dalam betul, betul. Saya, Dato' Yang Dipertua, mana yang betul, betul. Mana yang tak betul, tak betul. Tapi ini dah tak ada apa-apa. Sampaikan mamah, Mahkamah Persekutuan pun dah buang kes dah. Tetapi ianya didorong oleh mereka-mereka yang mempunyai kepentingan di sana. Orang yang dulunya tanah ini *no mans land*, dengan izin Dato' Dipertua, dia mengupah orang menoreh, satu orang ambil sampai 500 ekar, sampai 1,000 ekar. Satu hari boleh pendapatan sampai 50 - 60 ribu hasil getah yang tanah tersebut, tanah dalam keadaan lelongan, tak ada siapa punya, Dato' Dipertua. Itulah keadaannya.

Dan mana nak cari Dato' Dipertua. Cubalah cari orang yang menang beli lelongan, Dato' Dipertua, hampir 5,000 ekar, boleh beri balik kepada Kerajaan Negeri Sembilan kerana Kerajaan Negeri Sembilan mintak tolong. 1,200 lebih ekar, bagi begitu saja. Kerana kita nak menyelesaikan masalah 47 tahun, Dato' Yang Dipertua. Tak selesai. 47 tahun sejak, sejak gagalnya industri gula Negeri Sembilan, zaman allahyarham Dato' Mansor Othman jadi Menteri Besar kita dapat selesai. Tapi kita tak bolehlah nak tamak, nak mintak lapan ekar seperti apa kita dijanjikan. Kita cuma dijanjikan. Tak ada hitam-putih, tak ada apa itu *agreement* tak ada *sign* apa, tak ada apa, Dato' Dipertua. Syarikat yang mengendalikan tersebut gagal dan telah pun bankrap lama. Bagi empat ekar, syukurilah.

Dan orang yang membeli. Mana boleh kita beli sesuatu yang membeli yang bukan tuan punya tanah. Kita bukan beli atas nama, oh ni tanah aku. Kalau nak ikutkan, Dato' Dipertua, dia langsung tak ada hak. Tetapi kerana perikemanusiaan, dan juga di atas asas untuk kita bertimbang rasa, kita bagi jugak, Kerajaan Negeri, kita mintak daripada Thamarai Holdings, kita bagi dua ekar kepada orang yang beli. Carilah mana kerajaan dalam dunia macam ni Dato' Dipertua, tak ada. Mana ada orang nak bagi, nak bagi setengah ekar, berperang Dato' Dipertua. Kadang-kadang jiran dengan jiran tersalah batu pun, kadang-kadang boleh bergaduh. Ini bagi balik.

Jadi tak usahlah kita, saya harap supaya rakan-rakan baik kita, walaupun kita pembangkang, tapi dalam masa yang untuk kita membetulkan keadaan, kita buat. Supaya kita selesaikan. Kerajaan Negeri nak selesaikan Dato' Yang Dipertua, saya nak selesaikan segala

masalah tanah di Negeri Sembilan sebaik yang mungkin. Di Saga, dah selesai, 80 tahun duduk situ. Kita selesaikan. Dan tak lama lagi, kita akan selesaikan Kampung Keretapi, Kampung Melur. Kita nak selesaikan. Itu tanah kerajaan. Tapi mana yang dah tergadai ataupun telah pun diberi hak milik, tak boleh nak kita buat apa-apa kerana dia termaktub dalam Kanun Tanah Negara. Jadi, janganlah kita sebut Gatco Gatco lagi sebab Gatco dah tak wujud lagi, Dato' Dipertua. Buatlah apa yang patut. Terimalah, saya katakan. Sebab, dia jangan jadi orang yang kerugian, Dato' Yang Dipertua. Kalau tidak nanti, rugi kan. Kita mesti sebagai pemimpin, kita mesti bagi tahu orang perkara yang sebenar. Kita jangan nak ambil populariti ataupun yang lain-lain. Itu berkenaan dengan tanah, Dato' Dipertua. Yang lain-lain tu, tanah di Ulu Temiang ni, Dato' Yang Dipertua, saya dah sebut tadi kan.

Gemencheh, alhamdulillah saya, seperti yang disebutkan tadi, Dato' Dipertua, kita akan cuba supaya bekalan air ini cukup dulu. Tapi ada kawasan-kawasan, Dato' Dipertua, yang, kawasan yang, kawasan tinggi. Itu sebabnya kita buat tangki-tangki sementara. Kalau dulu, zaman dua tiga tahun yang lepas, di Seri Menanti punya kawasan, kalau Hari Raya, kalau hujung minggu, memang tak cukup air bekalan sebab dia duduk di hujung jari. Kita buatkan satu tangki, daripada tangki tersebut akan dapat tekanan baru, Dato' Dipertua.

Tapi ini ada jugak kawasan-kawasan masa Hari Raya tempoh hari, di kawasan Palong misalnya, paip pecah, Dato' Dipertua. Bila kita naikan sikit dia punya *pressure*, dia pecah. Jadi, bila pecah, kita terpaksa tutup bekalan. Bila kita tutup bekalan, kita ganti paip yang pecah tersebut, kita tak boleh terus bukak besar. Mula-mula kita bukak setengah bar, satu bar, satu setengah bar. Kalau tidak kita bukak terus Dato' Dipertua, dia akan pecah lagi, meletup-letup. Jadi ini masalah kita. Jadi inshaa Allah Dato' Dipertua, bila kita dapat nanti perlahan-lahan kita ganti paip-paip yang lama, inshaa Allah.

Tapi yang pastinya sekarang Kerajaan Negeri bersama dengan SAINS dan jugak PAAB dan SPAN, kita nak pastikan bekalan cukup dulu, Dato' Dipertua. Dia air ni, tuan, Dato' Dipertua, satu ialah bekalan air mentah mesti ada. Dah ada bekalan air mentah, kita mesti bersihkan dan kita proses. Dan bila dah proses, macam mana kita nak hantar. Tiga *stage* yang perlu kita lihat. Kadang-kadang air mentah tak ada pun tak guna. Ada air mentah tak proses pun tak guna. Ada air dah diproses tapi tak boleh di, kita hantar pun tak guna. Jadi ini proses-proses yang perlu kita bagi keutamaan. Sekarang ini keutamaan kita ialah, di Negeri Sembilan kita mesti wujudkan bekalan air mentah.

Macam di Gemencheh, bekalan air mentah dia tak ada. Dia punya empangan kering, nak buat macam mana. Ada pulak bekalan air mentah, tapi kita tak cukup proses, pusat pemprosesan macam di Sawah Raja. Sungai Rembau banyak air, tapi kita punya loji satu saja, 12 gelen, 12 juta gelen satu hari. Itu sebab kita nak buat lagi satu. Ada bekalan air mentah daripada Teriang, tapi lojinya cuma satu. Haa ini yang kita buat. Lepas itu besok kita susun atur.

Tapi yang penting Dato' Yang Dipertua, ialah kita nak buat supaya bekalan air di Negeri Sembilan nanti akan terletak dalam grid-grid yang bersepadu. Kita tak mahu lagi yang *stand alone* macam, macam di Tampin dan jugak di Rembau sekarang ini. Kita, kita hadapi masalah. Jika masalah di Rembau, Tampin boleh tolong. Masalah di Tampin, Rembau boleh tolong. Ataupun jugak, kalau masalah di Port Dickson, Seremban, Rembau boleh tolong, Dato' Dipertua. Ini yang kita nak buat, Dato' Dipertua, ya. Dan tahniahlah kepada pekerja-pekerja SAINS yang bertungkus-lumus semasa hari raya. Saya pun tahun ni, raya saya pun aman jugaklah ya. Tak seperti raya yang dulu.

Tanah terbiar Dato' Dipertua, ada dua jenis. Satu, tanah terbiar bentuk ladang. Satu tanah terbiar lagi, tanah sawah ataupun tanah paya. Memang hasrat Kerajaan Negeri nak pastikan tanah terbiar ini diusahakan. Tapi apa yang pemerhatian saya Dato' Yang Dipertua, ialah Negeri Sembilan ni dah menjadi negeri yang makin lama makin kering. Sawah-sawah, paya-paya semua dah tak ada. Sungai-sungai dah makin lama makin cetek, Dato' Yang Dipertua. Ini merbahaya. Kalau kita tak *take position*, kalau kita, Dato' Dipertua dengan izin, kalau kita tak mulakan kita punya langkah mulai pada sekarang, kita akan menghadapi masalah 30, 40 ataupun 50 tahun yang akan datang. Boleh jadi 20 tahun, Dato' Yang Dipertua. Sungai kita akan kering, seperti yang saya katakan tadi, nak cari kat mana, nak bagi orang minum.

Jadi elok, saya katakan supaya walaupun dalam usaha nak membangunkan tanah-tanah terbiar, tapi jangan sampai pulak kita tidak melihat perkara yang akan berlaku yang menimpa kita masa depan. Jadi cukuplah, dan kita nak pastikan supaya tanah paya ini biar dia jadi tanah paya. Ataupun tanah sawah yang tak jadi lagi sebab tak ada empangan, kita buat aktiviti pertanian yang lain. Sebab tanaman kelapa sawit ini, Dato' Yang Dipertua, adalah jenis tanaman yang terlampau banyak menghisap air, terlalu banyak memerlukan air. Dan menghisap, satu batang pokok kelapa sawit ni tak salah saya, kalau saya masih ingat lagi, menghisap air lebih kurang 20 ke 30 gelen air satu hari. Satu batang. Berapa juta batang pokok ada. Haa itu sebabnya kita punya anak air makin kering, itu sebabnya kita punya

Empangan Gemencheh kering, sebab kawasan sekitarnya banyak kawasan ladang kelapa sawit.

Dan ini perlu kita lihat, kalau kita tak melihat ini, kita akan memasuki zon merbahaya 20 tahun, 30 tahun daripada sekarang. Kita akan menghadapi masalah bukan paip pecah, tapi kita akan menghadapi masalah air mentah tak ada untuk kita proses untuk kita edarkan kepada orang. Jadi perlu kita melihat 30, 40 tahun, 50 tahun akan datang, Dato' Dipertua, supaya kita berada dalam keadaan yang terjamin masa depan kita. *Planning* kita jangan ingat besok, lusa, minggu depan, bulan depan. *Planning* kita 30 tahun, 40 tahun, kita mesti lihat. Jadi, inilah. Itu sebabnya kita nak galakkan supaya tidak ada lagi penanaman kelapa sawit kerana negeri kita ini mungkin akan menghadapi masalah seperti apa yang saya sebutkan tadi. Itulah ya, Dato' Dipertua.

Peruntukan P56 ini, Dato' Dipertua, cukuplah tu ya, banyak dah tu, 200 ribu sebab untuk Wakil-Wakil Rakyat, Dato' Yang Dipertua, kawasan-kawasan masing-masing, satu Parlimen Dato' Dipertua, dibagi oleh Kerajaan Pusat, 5 juta. Itu peruntukan Parlimen, Ahli Parlimen. Dapat 5 juta, Dato' Dipertua, ya, untuk kerja-kerja kecil. Lain pulak peruntukan ICU, melalui PIA dan PIAS-nya, macam-macam. Ni P56 ini Dato' Yang Dipertua, untuk apalah, Wakil-Wakil Rakyat katakan kalau ada kerosakan itu sikit buat, rosak itu sikit, buat. Bagi supaya Pejabat Daerah buat, kan. Kalau nak ikut cukup memang tak cukup, Dato' Dipertua. Tinggal lagi, bila cukupnya, kan. Bagi 3 juta tak cukup jugak. Jadi, kita pulak membagi ini, mengikut kemampuan Kerajaan Negeri, kan. Jadi, saya rasa, paras tu dah cukup tu, sebab banyak, ya.

Program pembesaran kampung memang ini akan kita buat dalam Dasar Pembangunan Luar Bandar kita. Kita akan cuba mengekalkan identiti kampung kita di Negeri Sembilan. Banyak orang cakap Dato' Dipertua, apa pasal tak bangunkan kawasan Rembau, Dato' daripada Rembau. Kita nak kekalkan identiti kampung kita. Yang penting ialah kita buat *infrastructure* yang baik, identiti kampung kita kekal, kita tak terusik, penyakit taun 'kek' 'Seghomban', biarlah 'deh' taun 'kek' 'Seghomban'. Jangan bawak taun 'kek' 'Ghombau' ya. Taun 'dokek' Rasah, biarlah 'kek' Rasah saja tuan-tuan, Dato' Yang Dipertua. Biarlah kampung kekal identiti kampung, tetapi kita tidak pulak orang kata *we don't want to short chain people who live in kampung*, dengan izin. Kita akan buat *infrastructure* yang baik. Jalan raya yang baik. Dasar Pencahayaan kita yang baik. Kemudahan-kemudahan awam, asas yang baik. Balai raya dia baik. Masjid dia ada, oleh Majlis Agama Islam buat, semua ada.

Dan dalam pada itu, kita jugak melihat adanya keperluan-keperluan anak-anak kampung yang tak keluar daripada kampung, yang duduk dengan keluarga, yang mengusahakan kawasan ladang itu, kita nak bagi mereka peluang, kalau ada tanah-tanah kerajaan di kawasan-kawasan tersebut, kita akan buak dan kita akan buat satu kawasan kampung tersusun. Boleh jadi 5,000 kaki satu lot. Dia, mereka boleh, boleh pinjam ataupun boleh mintak apa yang dipanggil sebagai program rumah mesra rakyat. Boleh buat. Dan macam-macam lagi, Dato' Dipertua. Ini yang akan kita buat dalam kita punya Dasar Pembangunan Luar Bandar yang saya akan umumkan awal tahun depan, Dato' Dipertua ya.

Yang lain-lain, Seri Menanti, terima kasihlah kerana faham tentang *Malaysia Vision Valley*. Kita akan umumkan *Malaysia Vision Valley* ini Dato' Dipertua. *Malaysia Vision Valley* ini Dato' Dipertua, 10 kali ganda Iskandar. Tapi yang baiknya *Malaysia Vision Valley* Dato' Yang Dipertua, ialah, *there will be no displacement*, dengan izin. Kalau pembangunan lain, Iskandar-nya, Pengerang-nya, Northern Corridor-nya, Eastern Corridor-nya, dia akan wujud isu-isu yang mana kerajaan beli, ambil tanah orang kampung, pengambilan tanah, di atas, atas nama pembangunan, dan orang terpaksa keluar daripada kampung.

Tapi di sini, Dato' Yang Dipertua, dia bukannya merupakan *government driven development* tetapi merupakan *private sector driven development*. Dia akan dibuat seperti yang saya sebut tadi, kita kumpulkan Sime Darby-nyalah, Enstek-nyalah, Sendayan-nyalah, Springhill-nyalah, macam-macamnya, kita kumpulkan dalam satu konsortium yang besar, dan kita jadikannya ianya sebagai satu kawasan pembangunan yang bersepadu dan kita letakkan syarat-syarat. Kita tak mahu lihat Sendayan membesar dengan sendirinya, Enstek membesar dengan sendirinya, lepas tu Sime Darby dengan Ainsdale-nya, dengan Putra-nya, ini, itunya. Besok jalan 'tah' ke mana, longkang 'tah' ke mana, *public transportation* 'tah' ke mana, apa 'tah' ke mana Dato' Dipertua. Sudahnya nanti mereka yang untung banyak, kita yang pening kepala lagi. 30 tahun nanti kita akan pening kepala lagi.

Jadi, adalah lebih baik, *you* nak bangunkan kawasan, kita letakkan dalam kawasan pembangunan, itu sebabnya kita katakan, tanah kosong tanah *Central Park* seribu ekar, mesti ada trem, mesti ada MRT punya rizab, mesti ada jalan raya, mesti ada semua. Nak buat, buat. Tak nak buat, sudah. Itu saja, ya. Masa kita ada kuasa, kita buatlah. Masa tak ada kuasa besok, kita duduk diam-diam, ya. Masa kita ada kuasa, kepentingan rakyat kita jaga, Dato' Dipertua. Haa itulah isunya, itulah masalah dia, kerana kita tak mahu lagi pembangunan-pembangunan-pembangunan, akhir cerita nanti rakyat menderita.

Itu sebabnya Dasar Perumahan Negara, banyak orang marah. Orang tak faham dia marahlah. Tapi bila orang faham, dia kata, oh ini satu dasar yang baik. Tapi bila dengar saya buat Dasar Perumahan Negara, ramailah yang mengkritik Kerajaan Negeri, mengkritik saya. Kata saya *regressive*-lah, macam-macam. Masing-masing yang tak sedar diri. Masing-masing yang tak faham, kan. Kita nak buat kepentingan rakyat. Kita nak buat kepentingan pemaju jugak. Kita nak buat kepentingan kerajaan. Jadi jangan mengkritik sesuatu yang kita tidak faham kerana kita mesti faham apa yang kita nak buat.

Kerajaan Barisan Nasional Negeri Sembilan, Dato' Dipertua, akan terus menjadikan kesejahteraan rakyat sebagai agenda utama kita Dato' Dipertua, inshaa Allah ya. Jangan pening-pening kepala ya. Inilah kerajaan yang akan terus membela rakyat. Terima kasih Dato' Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya tangguhkan persidangan kali ini, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat – Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, media massa dan urus setia persidangan yang telah sama-sama menjayakan persidangan kita pada kali ini.

Saya juga nak ambil kesempatan untuk memaklumkan bahawa soalan-soalan lisan yang tidak sempat dijawab pada hari ini akan dijawab secara bertulis kepada ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Amat Berhormat, ahli-ahli Yang Berhormat, saya jugak mengambil kesempatan ini untuk menjemput semua ahli-ahli, hadirin, para hadirin ke ruang legar Wisma Negeri untuk menikmati jamuan tengah hari. Dengan itu, Dewan saya tangguhkan. Terima kasih. Assalamualaikum w.b.t.

[Persidangan Dewan ditangguhkan pada jam 12.50 tengah hari]